



DR 10 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI MANUSIA,
PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI**

**ISU BERKAITAN UNDANG-UNDANG IMIGRAN LARANGAN DAN PROSEDUR
PENGENDALIAN NOTIS PENOLAKAN MASUK (NTL)**

KANDUNGAN

	Muka Surat
• Kandungan	i
• Senarai Lampiran	ii
• Singkatan	iii
<u>BAHAGIAN I</u> Pengenalan	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	4
<u>BAHAGIAN II</u> Latar Belakang	
• Latar Belakang	5
<u>BAHAGIAN III</u> Libat Urus dan Pembentangan	
• Libat Urus dan Pembentangan	6
<u>BAHAGIAN IV</u> Pemerhatian dan Penelitian Jawatankuasa	
• Pemerhatian dan Penelitian Jawatankuasa	15
<u>BAHAGIAN V</u> Rumusan Jawatankuasa	
• Rumusan Jawatankuasa	18
<u>BAHAGIAN VI</u> Penghargaan	
• Penghargaan	21

LAMPIRAN

Lampiran A : Pembentangan oleh Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)

Lampiran B : Pembentangan Isu Pengembara Yang Dikenakan Notis Arahan *Not -to -land* (NTL) oleh Kementerian Pengangkutan (MOT)

Lampiran C : Pembentangan Tatakelola Notis Penolakan Masuk/ *Not-to-land* (NTL) oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Lampiran D : Rangkuman Gambar Prosiding Bil. 4, Bil. 5 dan Bil. 6.

E-Risalat

- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 4
- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 5
- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 6

SINGKATAN

AGC	Attorney General Chambers
AOC	Airlines Operators Committee
Akta 155	Akta Imigresen 1959/1963
Akta 482	Akta Industri Pelancongan 1992
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
CCTV	Closed-Circuit Television
IATA	International Air Transport Association
ETA	Electronic Travel Authorisation
ICAO	Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
NTL	Not-to-land
MATTA	Malaysian Association of Tour and Travel Agents
MAHB	Malaysia Airports Holding Berhad
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MOT	Kementerian Pengangkutan
SLTD	Stolen Lost Travel Document System
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. Meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa;
 - ii. Meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa;
 - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa;

- iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis; dan
- v. Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan i hingga iii tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi terdiri daripada:
 - i. YB Tuan William Leong Jee Keen
(Ahli Parlimen Selayang merangkap Pengerusi)
 - ii. YB Tuan Khoo Poay Tiong
(Ahli Parlimen Kota Melaka)

- iii. YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem
(Ahli Parlimen Serian)
- iv. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji
(Ahli Parlimen Jelutong)
- v. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy
(Ahli Parlimen Kota Belud)
- vi. YB. Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad
(Ahli Parlimen Simpang Renggam)
- vii. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
(Ahli Parlimen Arau)
- viii. YB. Tuan Zahari bin Kechik
(Ahli Parlimen Jeli)
- ix. YB. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
(Ahli Parlimen Besut)

PENDEKATAN TUGAS KERJA

1. Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi institusi telah melantik ex-officio daripada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.

2. Jawatankuasa ini telah mengadakan 3 mesyuarat berkenaan insiden KLIA pada 29 Jun 2023 yang melibatkan isu undang-undang imigran larangan khususnya Akta Imigresen (1959/63) (Akta 155) serta proses-proses notis penolakan masuk (NTL) seperti berikut:
 - a. Mesyuarat pertama telah diadakan pada Isnin, 24 Julai 2023 yang melibatkan pembentangan oleh MATTA;
 - b. Mesyuarat kedua telah diadakan pada Rabu, 26 Julai 2023 yang melibatkan pembentangan oleh MOT dan MAHB dalam sesi pertama manakala sesi kedua melibatkan pembentangan oleh KDN dan JIM; dan
 - c. Mesyuarat ketiga telah diadakan pada Selasa, 19 September 2023 yang melibatkan pembentangan oleh MOTAC.

3. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa telah memanggil wakil-wakil daripada:
 - i. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - ii. Kementerian Pengangkutan (MOT);
 - iii. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, (MOTAC);
 - iv. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
 - v. Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB); dan
 - vi. Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA).

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

1. Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi telah memutuskan untuk meneliti isu berkaitan undang-undang imigran larangan dan prosedur pengendalian notis NTL berikutan insiden KLIA pada 29 Jun 2023 yang melibatkan warganegara China yang ditahan oleh Pegawai Imigresen di bawah undang-undang imigran larangan.
2. Mesyuarat Bilangan 4 telah diadakan pada Isnin, 24 Julai 2023 bagi mendengar taklimat yang disampaikan oleh MATTA seperti di **Lampiran A**.
3. Mesyuarat Bilangan 5 telah diadakan pada Rabu, 26 Julai 2023. Mesyuarat ini terbahagi kepada 2 sesi. Sesi pertama adalah pembentangan seperti berikut:
 - i. sesi pertama adalah pembentangan oleh MOT seperti di **Lampiran B**; dan
 - ii. sesi kedua adalah pembentangan oleh JIM seperti di **Lampiran C**;
4. Mesyuarat Bilangan 6 telah diadakan pada Selasa, 19 September 2023 yang melibatkan pembentangan oleh MOTAC.
5. Rangkuman Gambar Prosiding Bil. 4, Bil. 5 dan Bil. 6 seperti di **Lampiran D**.

BAHAGIAN III

LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN

Ringkasan Pembentangan dan Cadangan-Cadangan daripada kementerian, agensi kerajaan, pemain-pemain industri dan badan korporat berkenaan isu berkaitan undang-undang imigran larangan dan prosedur pengendalian notis NTL kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi adalah seperti berikut:

A. PERSATUAN PROFESSIONAL DAN BADAN KORPORAT

1. MATTA memaklumkan bahawa:

- i. MATTA merupakan sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh 2100 syarikat pelancongan di seluruh Malaysia dan menjadi pertubuhan penaung yang mewakili syarikat-syarikat dalam industri pelancongan di negara ini;
- ii. pada tahun 2022, sebanyak 88,564 pelancong dikenakan notis NTL. MATTA mengambil maklum tentang peruntukan yang terdapat dalam Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155). Walau bagaimanapun, MATTA tiada maklumat sebenar berkenaan tatacara pengendalian piawai notis NTL tersebut. Hal ini menyukarkan MATTA untuk memberi maklumat kepada pelancong berkenaan prosedur tersebut;
- iii. MATTA juga menghadapi kesukaran apabila berdepan dengan aduan oleh pengunjung yang diterima kerana MATTA bukanlah sebuah badan pengawal seliaan (*regulatory body*), tetapi sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Segala isu berbangkit perlu diketengahkan dan diselesaikan oleh MOTAC;
- iv. sebagai sebuah pertubuhan yang mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa, saranan MATTA agar tatacara pengendalian piawai notis NTL diperjelaskan agar tidak memberi kesan kepada industri pelancongan dan sekali gus memberi kesan kepada ekonomi negara;
- v. cadangan agar kerajaan mengamalkan garis panduan antarabangsa yang dikeluarkan oleh International Air Transport Association (IATA) dan International Civil Aviation Organisation (ICAO). Menurut undang-undang antarabangsa ini, tanggungjawab menguruskan pelancong yang dikenakan notis NTL adalah terletak di bawah bidang kuasa syarikat penerbangan;

- vi. masalah yang turut dihadapi pelancong antaranya terdapat perbezaan atau ketidaksamarataan layanan yang diberikan oleh JIM khususnya kepada pelancong dari China, Bangladesh, Pakistan, Vietnam dan India;
- vii. cadangan agar Kerajaan bertindak secara telus dalam urusan imigrasi tanpa perbezaan layanan terhadap pelancong mana-mana negara dalam urusan akses, telekomunikasi, dokumentasi (*passport* dan visa), fasiliti dan lain-lain;
- viii. samada keperluan untuk pelancong memastikan adanya tiket pulang, menunjukkan wang atau penginapan kepada pegawai JIM juga adalah tidak jelas;
- ix. situasi masa kini yang mengamalkan sistem *e-ticket* di mana tiada keperluan bagi pelancong untuk menyimpan tiket secara fizikal dan menunjukkan tiket di kaunter *check-in*. Segala maklumat telah terkandung dalam *passport*;
- x. masalah komunikasi atau *language barrier* adalah antara masalah terbesar yang dihadapi oleh pelancong.
- xi. cadangan agar kerajaan mengambil maklum perubahan corak perjalanan (*changing travelling pattern*) antaranya melibatkan pembatalan tempahan tiket saat akhir, *e-wallet* serta pelancong tidak dikenakan tindakan jika terdapat kesilapan pengkeranian berkaitan visa yang dikendalikan oleh pusat visa;
- xii. cadangan agar Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) dipinda terutamanya Jadual Keempat kerana terdapat banyak perubahan dalam landskap sektor pelancongan; dan
- xiii. wujud pertindihan kementerian (*cross ministry*) yang dihadapi oleh sektor pelancongan kerana ada perkara terletak di bawah kedua-dua bidang kuasa MOTAC dan MOT.

2. MAHB memaklumkan bahawa :

- i. pengendalian notis NTL yang tertakluk di bawah akta dan di bawah regulasi sedia ada di seluruh dunia adalah berpaksikan kepada syarikat penerbangan. Oleh itu, wujud perbezaan pengoperasian di Terminal 1 dan Terminal 2 di mana di Terminal 1 dilaksanakan sendiri oleh syarikat

penerbangan tersebut;

- ii. di Terminal 2, syarikat penerbangan telah mengambil inisiatif sendiri untuk mengendalikannya bersama dengan JIM. Akan tetapi, di Terminal 1, syarikat-syarikat penerbangan ini melalui Airline Operators Committee (AOC) telah melantik syarikat Mono Circle Sdn Bhd (MCSB); dan
- iii. Annex 9 yang terkandung dalam Konvensyen Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa adalah garis panduan yang seragam yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Jika mana-mana negara anggota gagal mengikutinya, maka negara tersebut perlu merektifikasi ketidakpatuhan tersebut. Dalam situasi sekarang, syarikat penerbangan masih bertanggungjawab, namun syarikat penerbangan telah melantik syarikat lain yang bertindak bagi pihaknya iaitu syarikat MCSB.

B. KEMENTERIAN DAN JABATAN

1. MOT memaklumkan bahawa:

- i. pada 12 Februari 2015, syarikat MCSB ini telah dilantik oleh AOC bagi tempoh tiga tahun iaitu daripada 12 Februari 2015 sehingga 1 Februari 2018 dan pelantikan telah dibuat oleh AOC serta tidak melibatkan agensi kerajaan;
- ii. pada 27 Julai 2015 pihak JIM telah memberikan sokongan kepada pelantikan MCSB ini kepada pihak AOC. Perkhidmatan MCSB meliputi pengurusan dua perkara:
 - a. pengurusan pengembara asing atau pelancong asing yang dikenakan NTL; dan
 - b. NTL *holding lounge* di balai ketibaan, dan terminal bangunan utama, KLIA di Terminal 1;
- iii. di bawah piawaian antarabangsa, proses penghantaran pulang pelancong yang menerima notis NTL ke negara ini diuruskan syarikat penerbangan selaras dengan peruntukan dalam Annex 9, Bab 5, Artikel 5.9, Konvensyen Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa di mana Malaysia merupakan ahli kepada ICAO. Tatacara notis NTL ini juga turut dijelaskan dalam seksyen 24 dan 26 Akta 155;

- iv. bahawa dapat dirumuskan sekiranya pelancong asing dikenakan notis NTL oleh pihak berkuasa negara berkenaan disebabkan *improperly documented person*, maka syarikat penerbangan perlu menanggung segala kos penjagaan mulai dari pelancong tersebut didapati tidak dibenarkan masuk atau pengeluaran notis NTL oleh pihak berkuasa sehingga pelepasan tersebut dikembalikan kepada syarikat penerbangan untuk pulang ke negara asal (*country of origin*);
- v. menurut peruntukan dalam Annex 9, Bab 5, Artikel 5.9.1, ICAO pula, bagi pelancong asing yang tidak dibenarkan masuk selain daripada perkara-perkara di atas termasuklah orang yang tidak diterima masuk kerana masalah dokumen di luar bidang kuasa syarikat penerbangan atau atas sebab selain daripada *improperly documented person*, maka pihak Kerajaan perlu menanggung segala kos penjagaan yang terlibat;
- vi. di Terminal 2, pelancong asing yang dikenakan notis NTL akan diserahkan kepada wakil syarikat penerbangan dan ditempatkan di *holding lounge* setelah notis NTL dikeluarkan oleh pihak imigresen. AirAsia merupakan syarikat penerbangan utama di KLIA Terminal 2 mengambil tanggungjawab menempatkan pegawai keselamatan bagi menjaga *holding lounge*;
- vii. AirAsia juga menyediakan keperluan makanan mulai dari awal pelancong asing dikenakan notis NTL sehingga mereka dapat menyediakan tiket penerbangan pulang ke negara asal pelawat asing tersebut. Kos makanan adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab AirAsia; dan
- viii. bahawa keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 bersetuju supaya pengendalian semua pelancong asing yang dikenakan notis NTL di KLIA Terminal 1 dikembalikan kepada syarikat penerbangan manakala perkhidmatan syarikat MCSB ditamatkan melalui satu tempoh interim. Namun, tatacara pengendalian piawai (SOP) pelancong asing yang dikenakan notis NTL diwujudkan terlebih dahulu sebelum perkhidmatan syarikat berkenaan ditamatkan.

2. KDN memaklumkan bahawa:

- i. berkenaan insiden KLIA yang berlaku pada 29 Jun 2023 yang lalu, ia masih di bawah siasatan SPRM dan PDRM. Maka, perbentangan pada hari ini tertumpu kepada tata kelola notis NTL yang dilaksanakan di pintu-pintu masuk negara;
- ii. pelaksanaan notis NTL oleh JIM adalah berdasarkan punca kuasa di bawah Akta 155;
- iii. berdasarkan statistik, jumlah kemasukan pelancong asing China ialah 694,734 pada tahun 2023. Daripada angka tersebut, hanya 1222 orang sahaja yang menerima notis ini dalam tempoh 7 bulan.
- iv. bahawa selepas insiden KLIA tersebut, pegawai kanan yang diberi kuasa meluluskan notis NTL ialah pegawai gred 41 berbanding dahulu yang diserahkan kepada pegawai Gred 29. Dengan pembaharuan tersebut, pegawai dapat melakukan penelitian secara lebih mendalam beserta justifikasi yang kukuh dalam menentukan samada seseorang pelancong dikenakan NTL atau tidak; dan
- v. bahawa pertambahan 12 kaunter imigresen yang dicadangkan akan melibatkan pertambahan tenaga kerja di mana 1 kaunter imigresen memerlukan 4 orang pekerja. Di samping itu, kumpulan penguatkuasa akan diwujudkan untuk meronda sekitar KLIA serta meninjau dan memeriksa keadaan pelancong.

3. JIM memaklumkan bahawa:

- i. sebelum pelantikan MCSB, pengurusan pelancong yang dikenakan notis NTL terletak di bawah tanggungjawab syarikat penerbangan. Namun, syarikat penerbangan gagal untuk mengawal pelancong yang dikenakan NTL (antaranya kes hilang semasa dalam kawalan). Justeru, semua syarikat penerbangan itu bergabung di bawah AOC melantik syarikat MCSB;
- ii. pada peringkat awal, pegawai JIM ditempatkan di *holding lounge* untuk mengawal selia pelancong yang dikenakan NTL. Namun, timbul tohmahan bahawa pegawai-pegawai JIM meminta wang daripada pelancong menyebabkan JIM membuat keputusan agar pegawai JIM kembali balik bertugas di bilik operasi dan kawasan tersebut dikawal sepenuhnya oleh

pihak MCSB manakala Pegawai JIM hanya menghantar mereka yang menerima notis NTL ke fasiliti tersebut;

- iii. bahawa SOP yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pas lawatan sosial oleh JIM antaranya ialah mempunyai dan memastikan pasport dalam keadaan baik serta masih sah laku dan mempunyai visa yang sah bagi negara-negara yang memerlukan visa (visa boleh dimohon secara dalam talian melalui sistem e-visa);
- iv. bahawa pelancong juga mesti menunjukkan keupayaan untuk meninggalkan Malaysia seperti menunjukkan tiket penerbangan pulang, menunjukkan bukti penginapan atau jadual percutian sepanjang keberadaan di Malaysia, bebas dari tersenarai dalam senarai syak jabatan dan *stolen lost travel document* system (SLTD) serta bukan dari golongan imigran tidak diingini sebagaimana peruntukan Seksyen 8, Akta 155;
- v. JIM menjelaskan tatacara pengendalian standard prosedur notis NTL adalah berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 24 dan seksyen 26 Akta 155 di mana warga asing yang tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan ke Malaysia akan dibawa untuk dilakukan proses *due diligence* oleh Pegawai Kanan JIM. Jika masih tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, mereka akan dirujuk kepada pejabat operasi untuk proses temu siasat selanjutnya. Jika pegawai JIM masih mendapati warga asing tersebut tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, maka notis penolakan masuk (NTL) akan dikeluarkan yang ditandatangani oleh Pegawai Kanan JIM;
- vi. notis NTL hanya akan dikeluarkan apabila Pegawai Kanan JIM berpuashati bahawa seseorang pelancong itu benar-benar tidak memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan. Sekiranya seseorang pelancong warga asing telah dikenakan notis NTL, mereka akan dirujuk kepada pihak syarikat penerbangan untuk diuruskan penghantaran pulang ke negara asal;
- vii. syarikat penerbangan bertanggungjawab memastikan pelancong tersebut untuk dihantar pulang dengan segera. Sementara menunggu untuk dihantar pulang, pelancong warga asing yang telah menerima notis NTL akan ditempatkan di ruang yang dikhaskan di *holding lounge*. Mereka juga diberikan makanan 3 kali sehari oleh syarikat penerbangan;
- viii. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 telah memutuskan supaya proses penghantaran pulang pelawat yang menerima notis NTL diuruskan oleh syarikat penerbangan tanpa melibatkan pihak ketiga. Jemaah Menteri bersetuju supaya perkhidmatan syarikat MCSB tidak diteruskan dan

dikembalikan kepada syarikat penerbangan;

- ix. *special task force* (STF) akan ditubuhkan yang diterajui oleh KDN, JIM, MAHB, AOC dan syarikat penerbangan untuk meneliti pengurusan notis NTL dengan mengambil kira kepentingan semua pemegang taruh dan amalan di peringkat antarabangsa;
- x. bagi tujuan komunikasi berkesan untuk memaklumkan syarat-syarat kemasukan, *e-board* dan papan tanda (*signage*) pelbagai bahasa & *standee signage* juga akan disediakan untuk makluman pelancong. Selain itu, pihak MAHB akan mengemaskini maklumat-maklumat penting dalam bahasa-bahasa utama dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Cadangan agar syarat-syarat kemasukan disiarkan bukan sahaja di laman sesawang JIM malah di media sosial agensi JIM yang mempunyai 1.2 juta pengikut;
- xi. bahawa terdapat penambahan kakitangan melalui pengambilan kadet yang akan tamat latihan pada September 2023 bagi memperkemaskan urusan operasi di pintu masuk serta melaksanakan pusingan kerja ke atas semua pegawai agar tidak ditempatkan terlalu lama di sesuatu tempat untuk mengelakkan kecenderungan ke arah salah guna kuasa dan pelanggaran integriti oleh pegawai;
- xii. bahawa JIM akan mengkaji semula syarat pembuktian tiket balik (*return ticket*) oleh pelancong yang sudah sampai di Malaysia kerana perkara ini telah pun menjadi prasyarat ketika permohonan visa oleh pelancong. Walau bagaimanapun, semakan kali kedua tiket penerbangan hanya akan dijalankan bagi kes-kes tertentu sahaja dan prosedur ini akan diteliti semula; dan
- xiii. JIM akan merujuk kepada AGC bagi mendapatkan pengesahan tafsiran Annex 9, Artikel 5.9 (*inadmissible persons and deportees*) dan Artikel 5.9.1 (*inadmissible persons and deportees*), ICAO kerana wujud tafsiran berbeza berkenaan tanggungjawab syarikat penerbangan atau Kerajaan (*state*) dalam urusan tanggungan kos penjagaan individu yang dikenakan NTL.

4. YB Menteri MOTAC memaklumkan bahawa:

i. Fakta-fakta insiden di KLIA 1 adalah seperti berikut:

- a. bahawa ini merupakan kali ketiga lawatan oleh YB Menteri ke KLIA 1 dan KLIA 2. Dalam lawatan tersebut, YB Menteri juga telah mengingatkan Pegawai JIM bahawa notis NTL hanya dikeluarkan pada keadaan-keadaan tertentu dan mempunyai sebab yang jelas;
- b. bahawa antara sebab notis NTL yang dikemukakan pihak JIM ialah tiada tiket pulang dan tiada bukti penginapan hotel. Selain itu juga Pegawai JIM memaklumkan wujud masalah komunikasi antara pegawai JIM dan pelancong;
- c. bahawa YB Menteri pada 29 Jun 2023 telah mendapat panggilan dari Consulate Office of Guangzhou dan pengadu meminta bantuan dari Menteri susulan penahanan pembantu pengadu. Pengadu merupakan warganegara China yang akan menyambung pengajian *Doctorate of Philosophy* di Universiti Awam di Malaysia dan datang bersama pembantu bagi tujuan tersebut;
- d. YB Menteri seterusnya datang ke KLIA 1 dan mendapat maklumat daripada Pegawai JIM bahawa notis NTL telah diberikan kepada pelancong China yang ditahan (pembantu kepada pengadu) kerana tiada tiket pulang (*return ticket*) dan tiada bukti tempahan hotel. YB Menteri memaklumkan bahawa maklumat tersebut tersimpan dalam telefon bimbit yang dirampas oleh pihak JIM. YB Menteri turut mengajukan sebab-sebab pegawai JIM tidak mendapatkan bantuan pegawai komunikasi yang disediakan oleh MAHB, namun persoalan tersebut tidak dijawab;

ii. YB Menteri meluahkan kekesalan kerana telah berusaha mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing, tetapi tatakelola yang diamalkan telah menyukarkan pelancong asing;

iii. bahawa YB Menteri tidak dapat memberi penjelasan yang lebih mendalam berhubung insiden tersebut kerana kes masih di bawah siasatan SPRM;

iv. berkenaan masalah komunikasi yang dihadapi pelancong, YB Menteri menjelaskan bahawa MAHB telah meletakkan sekitar 30 orang pegawai bagi membantu pelancong asing dalam berkomunikasi, namun pihak JIM

kurang meminta bantuan daripada pegawai MAHB;

- v. MOTAC juga melalui *Tourism Malaysia* telah melaksanakan *helpdesk* di KLIA 1 dan KLIA 2. Antara bantuan yang diberikan adalah membantu mencetak tempahan hotel dan tiket pelancong; dan
- vi. YB Menteri menjelaskan bahawa setakat ini, *Closed-Circuit Television* (CCTV) tidak dibenarkan dipasang di kaunter Imigresen. YB Menteri juga mencadangkan agar pegawai-pegawai Imigresen ditukar setiap enam bulan bagi meningkatkan lagi kecekapan dan ketelusan.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan undang-undang imigran larangan dan prosedur pengendalian notis NTL yang dibangkitkan semasa Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan seperti berikut:-

1. Jawatankuasa mengambil maklum kenyataan MATTA bahawa mereka kurang jelas samada wujudnya korupsi dalam pengendalian notis NTL disebabkan apabila menerima aduan daripada pengunjung-pengunjung yang dikenakan notis NTL, perkara-perkara ini diselesaikan dengan kaedah yang berlainan dan tiada prosedur seragam yang dapat diikuti.
2. Jawatankuasa mengambil maklum kenyataan MATTA bahawa antara kekangan yang dihadapi ialah; pengunjung-pengunjung tidak mengemukakan aduan bertulis kepada MATTA apabila menghadapi masalah notis NTL kerana MATTA bukanlah badan pengawal seliaan (*regulatory body*) berkenaan prosedur ini. Selain itu, kekurangan ketelusan dan pemahaman dalam prosedur notis NTL yang dihadapi pihak-pihak serta garis panduan ICAO dan AITA juga tidak diaplikasi secara objektif adalah antara masalah-masalah yang dihadapi.
3. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan MATTA bahawa JIM perlu mengaplikasikan *artificial intelligence* (AI) yang dapat menterjemah bahasa secara langsung dalam usaha mengurangkan jurang bahasa antara pelancong dan pegawai JIM.
4. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan MATTA agar diberi ruang untuk turut sama dalam libat urus serta dalam lawatan ke lapangan terbang dan imigresen bagi mendapatkan informasi dan pendedahan tentang SOP yang jelas bagi pelancong-pelancong yang ingin memasuki Malaysia.
5. Jawatankuasa mengambil maklum saranan daripada MAHB bahawa rakyat Malaysia yang ingin ke negara-negara Eropah ataupun Australia tidak lagi memerlukan visa. Akan tetapi, kaedah pengoperasian yang diguna pakai oleh negara-negara tersebut ialah keperluan untuk melaksanakan *Electronic Travel Authorisation* (ETA) dalam masa dua minggu sebelum ke sana.

6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa langkah ini dapat mengekang atau menghalang perkara-perkara yang tidak diingini kerana telah ada maklumat seperti hotel atau tempat tinggal, tujuan kedatangan dan sebagainya. ETA harus diguna pakai dan dimasukkan dalam sistem imigresen kerana semua maklumat telah dimasukkan ke dalam pasport. Apabila pelancong sampai di negara-negara tersebut, mereka tidak lagi memerlukan sebarang pemeriksaan.
7. Jawatankuasa mengambil maklum kenyataan MAHB bahawa dalam mengatasi masalah komunikasi, mereka telah menempatkan pegawai-pegawai yang boleh bertutur dengan fasih dalam bahasa-bahasa tertentu seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Arab dan sebagainya terutamanya di balai ketibaan. MAHB juga menawarkan kepada JIM untuk menggunakan khidmat tersebut secara percuma.
8. Jawatankuasa mengambil maklum saranan MAHB untuk menggunakan peranti dalam menterjemah atau mentafsir pertuturan pelancong. Selain itu, peranti pengimbasan imigresen (*scanning immigration device*) seperti yang diamalkan Jepun juga memudahkan proses keluar masuk pelancong kerana mengambil masa yang singkat. Penyediaan peranti-peranti ini adalah di bawah bidang kuasa JIM.
9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa menurut MOT, prosedur NTL seperti yang dibawa dalam Jemaah Menteri adalah di bawah bidangkuasa KDN sebab ia melibatkan urusan masuk dan keluar negara.
10. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan MOT bahawa artikel 5.9 ICAO telah menggariskan tiga alasan yang menyebabkan syarikat penerbangan perlu bertanggungjawab menguruskan pelancong yang dikenakan notis NTL. Antara salah satu punca pelancong menerima notis NTL ialah tidak menunjukkan wang yang mencukupi kepada pihak JIM. Alasan ini sangat subjektif dan tidak termasuk dalam artikel 5.9 tetapi artikel 5.9.1 di mana Kerajaan (*state*) perlu bertanggungjawab menguruskan pelancong yang dikenakan notis ini.
11. Jawatankuasa mengambil maklum saranan MOT bahawa tatacara pengendalian piawai notis NTL perlu diperjelaskan. Tatacara pengendalian piawai itu perlu dipaparkan dalam laman sesawang di mana syarat kemasukan ke negara adalah jelas antaranya tidak memberi ruang untuk diterjemah serta tidak bersifat subjektif.

12. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan MOT bahawa artikel 5.9 dan 5.9.1, ICAO dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam pindaan Akta 155 kerana memberi had dan pembahagian bidang kuasa antara syarikat penerbangan dan negara dalam pengendalian pelancong yang dikenakan notis NTL.
13. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan KDN bahawa sesi libat urus akan dijalankan bersama MATTA bagi mendapatkan pandangan dan maklumat. Selain itu, KDN menjelaskan prosedur untuk meminta pelancong menunjukkan wang (wang tunjuk) telah dimansuhkan sejak penghujung tahun lepas bagi mengelakkan berlakunya salah faham dan untuk mengekang rasuah.
14. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan KDN untuk mempertimbangkan pelantikan *airport liason officer* selaras dengan cadangan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 bagi tujuan mengurangkan jumlah pelawat asing yang dikenakan notis NTL. *Pilot project* ini akan dijalankan di Bangladesh, India dan Pakistan. Selain itu diwujudkan juga kaunter *helpdesk* dengan kerjasama MOTAC bagi menempatkan pegawai- pegawai yang boleh berbahasa asing.
15. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan KDN bahawa tatacara pengendalian piawai prosedur notis NTL ini perlu dilihat bersama kerana melibatkan beberapa kementerian dan agensi. Sebagai contoh, urusan imigresen melibatkan JIM, manakala urusan lapangan terbang terletak di bawah MAHB dan MAHB dikawal selia oleh MOT. Hal ini memerlukan libat urus antara KDN, MOT, JIM dan MAHB untuk menentukan bidang kuasa dalam menetapkan prosedur serta pengawal seliaan.
16. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan JIM bahawa syarikat penerbangan perlu menyegerakan penghantaran pulang pelancong yang dikenakan notis NTL, namun kebiasaannya pelancong dihantar pulang antara 24 jam hingga 48 jam disebabkan perbezaan jadual penerbangan.
17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apabila pelancong dikenakan notis NTL, telefon bimbit pelancong yang disimpan oleh pegawai JIM akan diserahkan kepada syarikat MCSB dan diletakkan di kaunter atas dasar keselamatan. Namun, pelancong tidak dihalang menggunakannya apabila mereka memerlukan.

BAHAGIAN V

RUMUSAN JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat ini Jawatankuasa mengemukakan rumusan dan syor syor seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan-cadangan berikut:
 - i. agar JIM merujuk kepada Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan pengesahan penafsiran Annex 9, Artikel 5.9 dan Artikel 5.9.1, ICAO kerana wujud tafsiran berbeza berkenaan tanggungjawab syarikat penerbangan atau Kerajaan (*state*) dalam urusan tanggungan kos penjagaan individu yang dikenakan notis penolakan masuk (NTL);
 - ii. bahawa MOT dan KDN perlu memperhalusi amalan sedia ada antaranya sebelum berlepas, syarikat penerbangan sudah memastikan pelancong telah ada tempat tinggal sebelum sampai ke Malaysia. Jika tiada, syarikat penerbangan (*airlines*) tersebut harus terus membawa pulang pelancong tersebut dengan kadar segera; dan
 - iii. penyediaan pegawai-pegawai yang boleh berbahasa asing dalam Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan sebagainya oleh MAHB serta penyediaan *airport liaison officer* oleh JIM di negara-negara yang terpilih (*pilot project*).
2. Jawatankuasa mengesyorkan supaya:
 - i. bahawa Artikel 5.9 dan 5.9.1, ICAO dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam pindaan Akta 155 selaras dengan garis panduan antarabangsa dalam ICAO;
 - ii. bahawa syarikat penerbangan harus mengendalikan prosedur notis NTL tanpa melibatkan pihak ketiga kerana ia tidak selari dengan amalan antarabangsa dan undang-undang sedia ada selain menyukarkan pemantauan oleh agensi kerajaan dan memungkinan timbulnya rasuah;
 - iii. bahawa tatacara pengendalian piawai serta syarat-syarat kemasukan perlu diperjelaskan oleh JIM sebelum memasuki Malaysia dan maklumat ini perlu disalurkan kepada seluruh agensi pelancongan;

- iv. bahawa tatacara pengendalian piawai prosedur notis NTL ini perlu dilihat bersama kerana melibatkan beberapa kementerian dan agensi seperti KDN, MOT, JIM dan MAHB;
- v. agar diwujudkan badan pengawalseliaan (*regulatory body*) yang mengawal selia pengendalian notis NTL;
- vi. bahawa syarat menunjukkan tiket pulang dicadang untuk dikaji semula kerana pelancong asing telah pun memohon visa sebelum memasuki Malaysia dan semua dokumen telah pun diproses kecuali dalam kes sekiranya pelancong tersebut menyatakan dalam visa bahawa akan datang ke Malaysia kurang daripada 14 hari, maka tiket pulang perlu ditunjukkan, samada *e-ticket* atau tiket fizikal;
- vii. bahawa kelonggaran diberikan berkenaan syarat menunjukkan bukti tempahan hotel kerana banyak pelancong yang datang ke Malaysia menginap di rumah saudara, kawan, *airbnb* dan sebagainya;
- viii. bahawa *body camera* atau CCTV diaplikasikan di kaunter-kaunter imigresen bagi memantau keadaan dan pergerakan keluar masuk pelancong;
- ix. masalah komunikasi antara pelancong dan pegawai JIM dan ketidaksamarataan layanan terhadap pelancong dari pelbagai negara terutamanya pelancong China, Bangladesh, Pakistan, Vietnam dan India di atasi;
- x. bahawa telefon bimbit pelancong yang dikenakan notis NTL dibenarkan disimpan oleh pelancong dan tidak diserahkan kepada pihak JIM atau pihak yang mengendalikan *holding lounge*;
- xi. keperluan menggunakan teknologi seperti AI bagi mengelakkan jurang bahasa dan salah faham yang dihadapi pelancong serta memperkenalkan *Electronic Travel Authorisation (ETA)* dengan kadar segera kerana sistem ini membolehkan maklumat pelancong diperolehi sebelum kedatangan pelancong ke sini. Selain itu, peranti pengimbasan imigresen (*scanning immigration device*) yang diamalkan Jepun juga memudahkan proses keluar masuk pelancong kerana mengambil masa yang singkat;
- xii. bahawa Pegawai JIM yang bertugas di kaunter-kaunter imigresen ditukar setiap 3 atau 6 bulan bagi mengelakkan kecenderungan ke arah salah guna kuasa dan pelanggaran integriti oleh pegawai;

- xiii. cadangan agar Kerajaan mengambil maklum perubahan corak perjalanan (*changing travelling pattern*) antaranya melibatkan pembatalan tempahan tiket saat akhir, *e-wallet* serta pelancong tidak dikenakan tindakan jika terdapat kesilapan berkaitan visa yang dikendalikan oleh pusat-pusat visa; dan
- xiv. sesi libat urus dengan MATTA dijalankan bersama-sama dengan agensi kerajaan yang terlibat bagi mendapatkan maklumat kekangan yang dihadapi pelancong serta cadangan pindaan Akta 482.

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian dan agensi kerajaan yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai isu berkaitan undang-undang imigran larangan dan prosedur pengendalian notis NTL.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi serta jabatan/agensi dan pemain industri seperti berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - iii. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU);
 - iv. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM);
 - v. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - vi. Kementerian Pengangkutan (MOT);
 - vii. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC);
 - viii. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
 - ix. Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB); dan
 - x. Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA).

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI
MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI**

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan oleh Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA)	1
2	Lampiran B	Pembentangan Isu Pengembara Yang Dikenakan Notis Arahan <i>Not-to-land</i> (NTL) oleh Kementerian Pengangkutan (MOT)	7
3	Lampiran C	Pembentangan Tatakelola Notis Penolakan Masuk/ <i>Not-to-land</i> (NTL) oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	15
4	Lampiran D	Rangkuman gambar sepanjang Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bil. 4, 5 dan 6	25



MEETING WITH SPECIAL SELECT COMMITTEE OF HUMAN RIGHTS, ELECTIONS & INSTITUTIONAL REFORM

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.4 TAHUN 2023

TOURIST ARRIVAL IN MALAYSIA

JANUARY - DECEMBER 2019 & 2022



NO	COUNTRY OF NATIONALITY	JANUARY - DECEMBER		
		2022	2019	Growth %
1	SINGAPORE	5,222,991	10,163,882	(48.6)
2	INDONESIA	1,481,739	3,623,277	(59.1)
3	BRUNEI	301,757	1,216,123	(75.2)
4	THAILAND	715,528	1,884,306	(62.0)
5	INDIA	324,548	735,309	(55.9)
6	CHINA	212,603	3,114,257	(93.2)
7	AUSTRALIA	152,265	368,271	(58.7)
8	SOUTH KOREA	146,384	673,065	(78.3)
9	PHILIPPINES	159,442	421,908	(62.2)
10	VIETNAM	173,763	400,346	(56.6)
11	UNITED KINGDOM	134,667	346,485	(61.1)
12	U.S.A	108,141	269,928	(59.9)
13	JAPAN	83,309	424,694	(80.4)
14	RUSSIA	33,003	79,984	(58.7)
15	BANGLADESH	59,033	179,000	(67.0)
16	GERMANY	57,780	130,221	(55.6)
17	TAIWAN	48,132	382,916	(87.4)
18	PAKISTAN	60,535	105,757	(42.8)
19	MYANMAR	36,765	46,257	(20.5)
20	FRANCE	55,087	141,661	(61.1)
21	CAMBODIA	39,823	97,097	(59.0)
22	CANADA	30,656	87,568	(65.0)
23	SRI LANKA	24,906	26,058	(4.4)

24	NEW ZEALAND	18,238	50,140	(63.6)
25	NETHERLANDS	31,070	82,110	(62.2)
26	SOUTH AFRICA	7,937	22,674	(65.0)
27	SAUDI ARABIA	35,980	121,444	(70.4)
28	ITALY	18,866	54,710	(65.5)
29	NEPAL	11,379	20,437	(44.3)
30	SWEDEN	8,083	29,592	(72.7)
31	SPAIN	20,474	43,616	(53.1)
32	SWITZERLAND	10,486	25,659	(59.1)
33	EGYPT	11,117	29,831	(62.7)
34	IRELAND	8,739	19,696	(55.6)
35	LAOS	7,010	26,955	(74.0)
36	POLAND	8,472	27,033	(68.7)
37	TURKEY	7,169	15,290	(53.1)
38	DENMARK	7,717	22,314	(65.4)
39	UKRAINE	4,381	16,019	(72.7)
40	BELGIUM	7,543	22,082	(65.8)
41	IRAN	7,570	46,559	(83.7)
42	NORWAY	4,960	14,585	(66.0)
43	UAE	3,230	11,174	(71.1)
44	IRAQ	6,008	21,421	(72.0)
45	KAZAKHSTAN	2,836	18,138	(84.4)
46	OTHERS	158,842	440,935	(64.0)
GRAND TOTAL		10,070,964	26,100,784	(61.4)

Source : Tourism Malaysia with the co

(Source: Tourism Malaysia)

TOURIST ARRIVAL IN MALAYSIA

JANUARY - MARCH 2023

NO	COUNTRY OF NATIONALITY	JANUARY - MARCH				
		2023	2022	2019	Growth % 2023/2022	Growth % 2023/2019
1	SINGAPORE	1,827,625	29,130	2,626,125	6174.0	(30.4)
2	INDONESIA	704,147	6,945	924,916	10038.9	(23.9)
3	THAILAND	390,816	23,045	489,351	1595.9	(20.1)
4	CHINA	178,150	3,624	841,800	4815.8	(78.8)
5	BRUNEI	201,782	262	319,024	76916.0	(36.8)
6	INDIA	110,883	3,692	157,690	2903.3	(29.7)
7	VIETNAM	72,180	965	84,136	7379.8	(14.2)
8	SOUTH KOREA	118,601	1,676	186,827	6976.4	(36.5)
9	PHILIPPINES	67,657	1,085	93,774	6135.7	(27.9)
10	UNITED KINGDOM	64,010	2,543	92,789	2417.1	(31.0)
11	AUSTRALIA	76,801	1,616	89,399	4652.5	(14.1)
12	JAPAN	47,652	1,435	104,049	3220.7	(54.2)
13	U.S.A	51,167	1,854	68,812	2659.8	(25.6)
14	BANGLADESH	47,218	2,727	38,531	1631.5	22.5
15	TAIWAN	51,748	406	95,800	12645.8	(46.0)
16	RUSSIA	41,024	254	31,378	16051.2	30.7
17	GERMANY	34,800	790	39,221	4305.1	(11.3)
18	PAKISTAN	29,304	3,845	22,839	662.1	28.3
19	FRANCE	24,658	768	35,384	3110.7	(30.3)
20	CANADA	19,372	452	25,934	4185.8	(25.3)
21	CAMBODIA	18,118	276	23,526	6464.5	(23.0)
22	MYANMAR	16,474	266	9,534	6093.2	72.8
23	NETHERLANDS	13,767	485	17,486	2738.6	(21.3)

24	SRI LANKA	9,568	455	6,938	2002.9	37.9
25	ITALY	9,311	488	12,317	1808.0	(24.4)
26	IRAN	4,357	233	14,609	1770.0	(70.2)
27	NEW ZEALAND	8,572	216	11,454	3868.5	(25.2)
28	SPAIN	6,155	284	7,796	2067.3	(21.0)
29	SAUDI ARABIA	6,493	436	17,438	1389.2	(62.8)
30	POLAND	6,425	107	8,230	5904.7	(21.9)
31	SWEDEN	5,977	151	10,999	3858.3	(45.7)
32	SWITZERLAND	5,331	179	6,854	2878.2	(22.2)
33	DENMARK	4,789	172	6,960	2684.3	(31.2)
34	LAOS	4,377	102	6,250	4191.2	(30.0)
35	IRELAND	4,194	138	4,602	2939.1	(8.9)
36	NEPAL	3,621	198	4,795	1728.8	(24.5)
37	TURKEY	3,387	339	4,255	899.1	(20.4)
38	BELGIUM	3,350	95	4,663	3426.3	(28.2)
39	EGYPT	3,959	410	7,402	865.6	(46.5)
40	UKRAINE	3,220	106	5,586	2937.7	(42.4)
41	NORWAY	2,687	84	4,080	3098.8	(34.1)
42	SOUTH AFRICA	3,040	112	5,007	2614.3	(39.3)
43	KAZAKHSTAN	1,761	91	6,165	1835.2	(71.4)
44	IRAQ	1,965	382	5,421	414.4	(63.8)
45	UAE	691	34	1,975	1932.4	(65.0)
46	OTHERS	76,418	5,100	114,109	1398.4	(33.0)
GRAND TOTAL		4,387,602	98,053	6,696,230	4374.7	(34.5)

Source : Tourism Malaysia with

(Source: Tourism Malaysia)

TOURIST INTO MALAYSIA

Definition:

Free independent travellers (FIT):

Type of travel where a small number of tourists, usually fewer than five persons or couples or even individuals, who prefer to take tours at their own preferred times.

Group Inclusive Tour (GIT):

A special travel program that provides vacations for a group, usually comprising of more than five travellers, at some special fares. Group Inclusive Tours are specifically beneficial for those looking for vacations are cheaper rates and are even suitable for the ones travelling alone, as they get the benefit of having a company of few travellers.

UNWTO definition of tourist:

A visitor (domestic, inbound or outbound) is classified as a tourist (or overnight visitor), if his/her trip includes an overnight stay, or as a same-day visitor (or excursionist) otherwise

(Source: Government Art College Coimbatore & UNWTO)

MEDIA NEWS

MALAYSIA

Home minister: 88,564 visitors served with 'Not-To-Land' notice in 2022



According to Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, a total of 88,564 visitors have been served with Not-To-Land (NTL) notice last year for failing to meet the entry requirements to Malaysia. — Bernama pic
Follow us on [Instagram](#), subscribe to our [Telegram](#) channel and [browser alerts](#) for the latest news you need to know.

Friday, 27 Jan 2023 6:24 PM MYT

PUTRAJAYA, Jan 27 — A total of 88,564 visitors have been served with Not-To-Land (NTL) notice last year for failing to meet the entry requirements to Malaysia, according to Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

He said of the total, 35.08 per cent or 31,069 visitors were served with the NTL notice at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) and Kuala Lumpur International Airport 2 (klia2).

"It is important for the Immigration Department to ensure the authenticity of each visitor allowed to enter so that they will not overstay their welcome and misuse the passes given to them," he said, adding that 87,698,460 tourist arrivals were recorded last year. — Bernama

(Source: Malay Mail)

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/01/27/home-minister-88564-visitors-served-with-not-to-land-notice-in-2022/52189>

MEDIA NEWS

Immigration halts 90,000 from entering [NSTTV]

By Fuad Nizam - January 28, 2023 @ 8:06am



KUALA LUMPUR: The Immigration Department's screening last year prevented the entry of almost 90,000 people with suspect motives into the country.

The increase in suspect arrivals, with the reopening of the borders after a prolonged closure due to the Covid-19 pandemic, has forced the department to enhance its screening processes.

This had led to congestion at Immigration counters, particularly at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

These foreigners, including those who had intended to work illegally in Malaysia, were weeded out by the department's frontliners at the entry points.

"Our records showed that last year, we stopped 88,564 people from various countries who were on our Not-To-Land (NTL) list.

"Out of these, 35 per cent or 31,069 foreigners deemed NTL were stopped at KLIA and klia2."

Khairul Dzaimie said the department's success in preventing their entry saved Malaysia more than RM184 million in lost levies.

(Source: News Strait Time)

<https://www.nst.com.my/news/nation/2023/01/874231/immigration-halts-90000-entering-nsttv>

LAWS OF MALAYSIA

Act 155
Immigration Act 1959/63

SALIENT SECTION

Section 8: Prohibited immigrants

Section 9: Director General's power to prohibit entry, or cancel any Pass or Permit

Section 13: Power to make inquiries

Section 26: Examination of persons entering Malaysia by land or at a place other than an authorized airport

Section 27: Power to send person to depot for further examination

Section 28: Interrogation of travellers

Section 31: Removal of prohibited immigrants from Malaysia

Section 32: Removal of illegal immigrants

Section 33: Removal of persons unlawfully remaining in Malaysia

Section 34: Detention of persons ordered to be removed

Section 35: Power to arrest person liable to removal

Section 36: Unlawful return after removal

(Source: The Commissioner of Law Revision, Malaysia)

MALAYSIA - IMMIGRATION ACT 1959/63

Prohibited immigrants

8. (1) Any person who, in the opinion of the Director General—

(a) is a member of any of the prohibited classes as defined in subsection (3) and is not a citizen is a prohibited immigrant.

(b) (Deleted by Act 27 of 1963).

(2) Subject to any exemption granted under section 55—

(a) no prohibited immigrant who is a member of prohibited class defined in paragraph (3)(a) shall enter Malaysia or, where he becomes a member of such prohibited class after he has entered Malaysia, remain in Malaysia; and

(b) no other prohibited immigrant shall enter Malaysia, unless he is in possession of a valid Pass in that behalf issuable to a prohibited immigrant under any regulations made under this Act.

(3) The following persons are members of the prohibited classes:

(a) any person who is unable to show that he has the means of supporting himself and his dependants (if any) or that he has definite employment awaiting him, or who is likely to become a pauper or a charge on the public;

Immigration

13

(b) any person suffering from mental disorder or being a mental defective, or suffering from a contagious or infectious disease which makes his presence in Malaysia dangerous to the community;

(c) any person who refuses to submit to a medical examination after being required to do so under subsection 39A(1);

(d) any person who—

(i) has been convicted in any country or state of any offence and sentenced to imprisonment for any term, and has not received a free pardon; and

(ii) by reason of the circumstances connected with the conviction is deemed by the Director General to be an undesirable immigrant;

(e) any prostitute, or any person, who is living on or receiving, or who, prior to entering Malaysia, lived on or received, the proceeds of prostitution;

(f) any person who procures or attempts to bring into Malaysia prostitutes or women or girls for the purpose of prostitution or other immoral purpose;

(g) vagrants and habitual beggars;

(h) any person whose entry into Malaysia is, or at the time of his entry was, unlawful under this or any other written law for the time being in force;

(i) any person who believes in or advocates the overthrow by force or violence of any Government in Malaysia or of any established government or of constituted law or authority or who disbelieves in or is opposed to established government, or who advocates the assassination of public officials, or who advocates or teaches the unlawful destruction of property;

(j) any person who is a member of or affiliated with any organisation entertaining or teaching disbelief in or opposition to established government or advocating or teaching the duty, necessity or propriety of the unlawful assaulting or killing of any officer, either of specific individuals or officers generally, of any Government in Malaysia or of any established government, because of his or their official character, or advocating or teaching the unlawful destruction of property;

14

Laws of Malaysia

Act 155

(k) any person who, in consequence of information received from any source deemed by the Minister* to be reliable, or from any government, through official or diplomatic channels, is deemed by the Minister* to be an undesirable immigrant;

(l) any person who has been removed from any country or state by the government of that country or state on repatriation for any reason whatever and who, by reason of the circumstances connected therewith, is deemed by the Director General to be an undesirable immigrant;

(m) any person who, being required by any written law for the time being in force to be in possession of valid travel documents, is not in possession of those documents or is in possession of forged or altered travel documents or travel documents which do not fully comply with any such written law;

(n) the family and dependants of a prohibited immigrant; and

(o) any person, or any member of a class of persons, against whom an order has been made under paragraph 9(1)(a), or whose Pass or Permit has been cancelled under paragraph 9(1)(b) or 9(1)(c) respectively, or to whom such cancellation applies under subsection 9(6).

Maksudnya Yang Berhormat, apa yang berlaku ialah sekiranya mereka masuk ke Malaysia *for any reason*, sama ada alasan pertama atau alasan kedua yang kami bantangkan tadi, mereka sebaik-baiknya dihantar balik. Kalau boleh dalam *aircraft* yang sama, kalau tidak, *the next possible aircraft*. Akan tetapi keadaan ini nampak tidak berlaku sebab ada yang ditahan sampai enam hari, maksimum. Ada yang sampai tiga hari, ada yang empat hari, selepas itu *you collect* tiga hari punya bayaran. *So, ada berlaku sedikit...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...On the ground, practical problem.*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *That was the problem.*

Tuan Pengerusi: *So, kemungkinan tiga, empat hari mereka di airport.*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Right, because you are collecting the three days punya advance payment, for makan and all that. Which is not right because your intention clearly doesn't show that you are going to send them off immediately. So, ini antara akta yang kami dapati penting untuk kita faham.*

Ini perbandingan proses. Apa yang berlaku di Jepun, Australia dan di Hong Kong. Ada enam buah negara yang kita buat perbandingan Yang Berhormat. Ini lebih kepada *meal, we look at the meal, detention lounge* dia siapa yang jaga, *flight ticket* siapa yang sediakan, *security, who is in charge and all that. Just* membuat perbandingan. Jadi, ada dua keadaan di

sini di mana ada negara yang meletakkannya pada *airline* itu sendiri dan ada juga di Singapura, Indonesia dan Thailand yang juga meletakkan kepada *government* dan sebagainya. Jadi ada dua-dua konteks yang kita lihat. Encik Radzuan, *Would you like explain a bit more?*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat, *the first slide* ini adalah berkaitan – *sorry, can I have...*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Next one, before? [Merujuk pada slaid pembentangan]*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *Okay.* So, ini adalah amalan-amalan yang dilaksanakan di Jepun, Australia dan Hong Kong, di mana jabatan imigresen sendiri yang akan bertanggungjawab terhadap *custody and care of the NTL*. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, *again* kalau Yang Berhormat lihat dekat sini daripada segi *flight ticket* ini sama ada dibayar oleh *passenger* ataupun syarikat penerbangan. Ia bergantung kepada apakah punca ia ditahan.

Untuk ketiga-tiga buah negara ASEAN ini Yang Berhormat, saya boleh kata ASEAN, Singapura, Indonesia dan Thailand, so ketiga-tiga ini pertama sekali ia telah melantik sebuah syarikat *third party to manage the NTL* punya *passengers*. So, *again in term of* makan ada sedikit perbezaan, contohnya di Singapura, *airline* atau NTL sendiri yang tanggung. Manakala di Indonesia dan Thailand, syarikat penerbangan sepenuhnya menanggung kos makan. Manakala *flight ticket*, kesemuanya ditanggung sama ada oleh *passenger* ataupun syarikat-syarikat penerbangan. So, saya rasa itu yang kita punya...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Seterusnya Yang Berhormat. Kita juga membuat sedikit perbandingan. Tadi peringkat antarabangsa, apa yang dilakukan di Terminal 2? Pertama, pelawat asing yang dikenakan NTL akan diserahkan kepada wakil syarikat penerbangan dan ditempatkan di *holding lounge* setelah notis NTL dikeluarkan oleh pihak imigresen. AirAsia merupakan syarikat penerbangan utama di KLIA Terminal 2, mengambil tanggungjawab menempatkan seorang pegawai keselamatan bagi menjaga *holding lounge of the NTL* tadi.

AirAsia juga menyediakan keperluan makanan mulai dari awal pelawat asing dikenakan NTL sehingga mereka dapat menyediakan tiket penerbangan pulang ke negara asal, *origin country* kepada pelawat asing tersebut. Kos makanan adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab AirAsia. Ini untuk NTL jadi memang tidak ada masalah di Terminal 2.

Seterusnya, ini kedudukan gambaran di Terminal 2. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Ini pun ada sedikit kelemahanlah. Kalau lebih besar lagi dan sebagainya, mungkin tidak begitu selesa duduk di atas kerusi tersebut, ini akan kami lihat dan tengok macam mana boleh diperbaiki keadaan ini Yang Berhormat.

Jadi, perkara ini telah dibawa kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023, telah bersetuju supaya pengendalian semua pelawat asing yang dikenakan NTL di KLIA Terminal 1 dikembalikan kepada syarikat penerbangan. Keduanya, perkhidmatan Mono Circle Sdn. Bhd. ditamatkan tetapi melalui satu tempoh interim. Ketiganya, SOP pengendalian pelawat asing yang dikenakan NTL diwujudkan terlebih dahulu sebelum perkhidmatan syarikat Mono Circle Sdn. Bhd. ditamatkan.

Seterusnya Yang Berhormat, *last one*. Keputusan daripada mesyuarat penyelarasan di antara agensi-agensi berkaitan, satu *task force* telah ditubuhkan yang terajui oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Malaysia Airports, AOC dan syarikat penerbangan yang lain untuk meneliti pengurusan NTL dengan mengambil kira kepentingan kesemua pemegang taruh dan amalan di peringkat antarabangsa. STF mengemukakan cadangan SOP dalam tempoh – perlu mengemukakan cadangan SOP dalam tempoh masa dua minggu. STF mencadangkan tempoh masa interim yang sesuai untuk syarikat Mono Circle Sdn. Bhd. dan keperluan persiapan pengambilalihan ruang NTL oleh imigresen dan syarikat penerbangan sebelum perkhidmatan syarikat Mono Circle ditamatkan.

Kementerian Dalam Negeri mempertimbangkan pelantikan *airport liaison officers* selaras dengan cadangan Mesyuarat Kabinet pada 12 Julai 2023 bagi tujuan mengurangkan jumlah pelawat asing yang dikenakan NTL. Boleh berikan sedikit penjelasan mengenai *airport liaison officers*?

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat, *today*, mana-mana penumpang yang ingin ke Australia, so pihak Australia telah menempatkan *airport liaison officer just before they board the aircraft* untuk melihat dan memberi – maksudnya, kalau mana-mana penumpang yang dia rasakan tidak *or not satisfy the requirement of failure*, dia akan awal-awal lagi kata “*You tidak boleh masuk.*”

Maksudnya sebelum sampai ke *country* itu sudah ada benda ini. So, kita nampak bahawa inisiatif ini sangat berkesan untuk mengekang pelawat-pelawat yang tidak dikehendaki. Terima kasih.

Dato’ Jana Santhiran Muniayan: Saya rasa itu sahaja pembentangan daripada pihak kementerian. Sekarang, kalau ada soalan kami cuba jawab. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Daripada MAHB ada apa yang hendak ditambah? Adakah pandangan atau komen.

Dato’ Iskandar Mizal Mahmood: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami tiada apa-apa lagi hendak ditambah daripada apa yang telah diujahkan oleh Dato’ KSU. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya buka kepada ahli-ahli untuk memberikan soalan atau pandangan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tadi dalam pembentangan ada menyebut bahawa AOC atau *Airline Operators Committee*, mereka yang *decide* untuk menggunakan cara ini iaitu melantik

syarikat swasta untuk mengendalikan semua NTL ini. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh campur tangan. Itu keputusan AOC, AOC yang buat keputusan. Itu pembentangan lah, kan? Betul?

■1500

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Akan tetapi, telah mendapat restu daripada Jabatan Imigresen.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Tugasnya adalah pada Jabatan Imigresen dan mereka telah mendapat restu dari Jabatan Imigresen. Bukan daripada MOT.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya. / bukan kata MOT. / kata AOC itu— tadi dalam pembentangan kata AOC yang buat keputusanlah. Mereka buat keputusan mahu lantik satu syarikat dan tidak boleh— kita tidak boleh campur tangan terhadap keputusan mereka lah kan? Keputusan mereka untuk mereka hendak buat dengan sistem begini iaitu lantik satu syarikat swasta untuk kendali, betul ya?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Betul.

Tuan Khoo Poay Tiong: Okey. Jadi, soalan saya dalam keputusan Jemaah Menteri atau pun keputusan mesyuarat *taskforce* ini kamu kata hendak tarik balik tidak mahu lantik Mono Circle inilah kan? Jadi, AOC ini dia akan ikut apa yang dibuat keputusan oleh Jemaah Menteri.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Mereka terpaksa ikut, Yang Berhormat. Oleh sebab dalam akta pun *very clear* bahawa mereka yang sepatutnya kendalikan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya, itu...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Masalahnya, mereka berpandangan lantik seorang ejen kendalikan dengan cara profesional. Dia sepatutnya buat secara profesional. Kalau dia buat secara profesional, tidak menjadi masalah.

Tuan Pengerusi: So, Akta Imigresen meletakkan tanggungjawab kepada...

Tuan Khoo Poay Tiong: Syarikat penerbangan.

Tuan Pengerusi: Syarikat penerbangan.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Bukan akta. Dia memerlukan satu *understanding* atau pun satu amalan.

Tuan Pengerusi: Okey, ini ialah ICAO kah? Yang tadi di dalam taklimat. Muka surat tujuh.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Muka surat 7. Betul.

Tuan Pengerusi: Artikel...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Aircraft operators shall be responsible.*

Tuan Pengerusi: *Yes, so this is under ICAO?*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Ya.

Tuan Pengerusi: *This is common understanding of all the airlines.*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Ya. It's under the act.*

Tuan Pengerusi: *Which act are you talking about?*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Annex 9 on facilitation border control [Tidak jelas] ICAO.*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *Just to— this is Annex 9 adalah standard by ICAO. Standard. Ini adalah standard.*

Tuan Pengerusi: *Ya.*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *So, dia bukan guideline sebab kita telah lihat Artikel 5.9 ini adalah standard ICAO. Piawaian yang ditetapkan oleh ICAO yang perlu diikuti oleh mana-mana negara yang menjadi Ahli ICAO.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *Okey.*

Tuan Pengerusi: *Kalau langgar apa yang akan jadi?*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *Langgar dia apabila dia ada audit, dia boleh bagi tahu kita that there is an audit where you need to rectify this.*

Tuan Pengerusi: *Maknanya, kalau Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk tamatkan Mono Circle, airline operator hendak ikut mengikut ICAO ini. Ini tanggungjawab mereka di bawah Artikel 5.9.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *ICAO ini sudah wujud sudah lama kan? Jadi, masa pada tahun mereka melantik pada tahun 2015, mereka tidak ada ikut ini ICAO kenapa kita tidak tegur syarikat penerbangan terhadap keputusan mereka buat? Untuk melantik Mono Circle itu.*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *Yang Berhormat, sebenarnya ICAO ini standard dia adalah dia kata aircraft operator yang bertanggungjawab. Dia tidak kata how you are going to do that is up to the respective countries. So, in this case apa yang berlaku adalah aircraft operator ini dia still bertanggungjawab. Cuma, dia telah melantik satu syarikat lain yang dia outsource yang act on their behalf. So, itu yang berlaku.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi, apa yang kita melihat bahawa aircraft operator ini lepas tangan kerana caj dibayar oleh penumpang. Akan tetapi, di dalam MY ICAO it is the cost of the aircraft operator. Bila kos itu atas aircraft operator, mereka akan perlu menjadi lebih rajin untuk to make sure that when the penumpang atau the passenger go on board the aircraft that they would be admissible. Itu menjadi tanggungjawab asal kepada aircraft operator. Kalau tidak mereka akan dikenakan kos untuk hantar mereka balik.*

Akan tetapi, sekarang saya melihat aircraft operator lepas tangan. Ini kerana akhirnya, boleh masuk atau tidak, penumpang yang hendak bayar kos kepada Mono Circle. So, saya melihat ini adalah satu boleh dikatakan pelanggaran oleh aircraft operator kerana tidak lagi perlu untuk bertanggungjawab bayar kos kepada memulangkan mereka.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Yang Berhormat, daripada percakapan dan juga kajian kami, kalau sekiranya— *it becomes an aircraft operator responsible if at all* mereka tidak dibenarkan masuk atas alasan yang ternyata tadi.

Pertama, *with an expired travel document or invalid visa*. Di mana bila orang itu hendak *check in*, dia boleh *check* visa itu. Dia boleh *check the documents*. *The airlines follow that this guy shouldn't go in. So, they take them in. That's their mistake. So, they will refund the tickets. Fair enough*. Nombor satu.

Kedua, *with the counterfeit, forged or altered travel documents of visa* daripada penelitian dokumen tadi. *Which* mana kita mengharapkan operator ada kemampuan untuk melihat perkara tersebut.

Ketiga, *with someone else travel documents or visa. Very clear. Without the travel document or without the visa. So, very clear*. Kalau benda-benda itu berlaku sebab *the check in is done by the airlines. So, they will take the responsibility on the point of arrival for you to return them back*. Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang di negara kita ini, ini merupakan sebab mungkin yang tidak ketara. Apa yang ketara adalah alasan-alasan yang tidak termasuk di bawah *aircraft operator* punya *obligations*. Dia lebih kepada Jabatan Imigresen *or the states problem*.

Satu, dia kata duit tidak cukup. Pelancong masuk *the money that you bring in is not enough. You cannot convince them saying that you* datang untuk bercuti. Dia kata *you* lebih untuk datang kerja. *Again, very subjective which doesn't fall under the Article 5.9*. Dia jatuh dalam *Article 5.9.1*. So, dana tadi dia kena dikeluarkan oleh pihak *state*.

Tuan Pengerusi: Ini telah dibangkitkan oleh MATTA di dalam sesi yang pertama bahawa SOP yang diadakan oleh imigresen untuk *Not to Land* tidak jelas. Bila tidak jelas seperti yang dikatakan sama ada cukup bawa wang, ada tempat untuk hotel, tiket untuk *return* dan mereka memberitahu hari ini orang tidak bawa wang tunai lagi. Mereka guna *e-Wallet*, melalui *credit card*. Mereka tidak beli tiket kerana internet boleh beli untuk balik ini. *Modern travelling arrangement* tetapi nampaknya SOP kita 50 tahun yang ke belakang.

So, SOP itu tidak selaras dengan *modern travel arrangement*. So, ini yang kita akan minta penjelasan nanti daripada imigresen tentang SOP. Akan tetapi, nampaknya pandangan adalah sama bahawa SOP yang diadakan sekarang tidak jelas kepada penumpang, pelawat dan juga *aircraft operator*. So, ini adalah perkara-perkara yang kita hendak meneliti dengan lebih baik. *But I think from you side I think we also have got to look at the penambahbaikan. We use this opportunity to look at it because I think section 8 of the immigration act also not clear on the Not to Land*.

So, that is why the SOP is important. But from the Ministry Pengangkutan you have to look at the responsibility of the aircraft operator.

Tuan Khoo Poay Tiong: So, buat masa ini Malaysia kita ada ikut *adopt* IATA dan ICAO? Kita ada ikut? Kita ikut ICAO?

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat, kita...

Tuan Khoo Poay Tiong: Kita *have to join as a member is it?*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *We are a contracting member. We are a member state of ICAO.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *Member of ICAO. How about IATA? IATA tidak ada? I-A-T-A.*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat, ICAO ini kita Ahli ICAO dan semua ahli kebanyakan negara 193 negara dekat dunia ini adalah Ahli-ahli ICAO. Apabila ICAO mengeluarkan standard, semua negara wajib ikut. Kalau dia tidak ikut, dia boleh dipanggil satu istilah *file a different*. Dia bagi tahu dekat ICAO, *look here my country* ada *different standard*. Akan tetapi, sebab kita ini dah lah Ahli ICAO kita juga adalah Ahli Majlis ICAO so kita perlu menunjukkan lebih lagi *compliance* kita berbanding dengan negara lain. So, maksudnya daripada sudut *Annex 9* ini, *this is the standard* yang wajib dipatuhi. *That's number one*, Yang Berhormat.

Kedua, IATA mengeluarkan *guidelines* kepada ahli-ahli dia yang merupakan di kalangan syarikat-syarikat penerbangan.

■1510

Jadi, di pihak negara dia tidak *impose any obligations to the states. They only impose obligation to the members* yang menganggotai IATA. *So, I think there are two different set of document* Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Any other questions?*

Tuan Khoo Poay Tiong: Kamu ada statistik tak, mereka yang tak dibenarkan masuk ada dua kategorikan? Satu selalunya tanggungjawab syarikat penerbangan, satu ialah pihak berkuasa. Tadi kamu ada bagi statistik 12,000 lah, 13,000 itu. Kamu ada statistik tak pecahan kategori satu dan kategori dua?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Yang Berhormat ini daripada syarikat bukan daripada agensi kerajaan. Kami pun tak berapa pastilah untuk mendapat gambaran sebenar tadikan.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood: Dato' KSU mencelah, mencelah. Saya rasa statistik ini sedia ada tetapi bukan di bawah Kementerian Pengangkutan tetapi di bawah KDN kerana Jabatan Imigresen seharusnya mempunyai maklumat-maklumat sebegitu rupa kerana mereka adalah pengawas untuk memasuki. Jadi kalau Yang Berhormat ingin menanyakan soalan itu, saya rasa pasti di bawah pihak JIM.

Tuan Khoo Poay Tiong: Kementerian Pengangkutan, kamu memang setuju supaya Mono Circle ini, peranan mereka dikeluarkanlah?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Ditamatkan, Mono Circle akan ditamatkan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Bila?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri, kita pakai SOP tadi telah sedia dan ada *airline-airline* tadi kita kena berhubung dengan mereka yang tak ada pejabat di sini, *how are they going to handle it? That's another problem that we need to resolve before* kita tamatkan. Tamat boleh tamat Yang Berhormat tetapi takut kita akan hilang... *[Tidak jelas] Who wants to come?*

Tuan Pengerusi: *So, what you're going to do is replacement* lah.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *[Ketawa] ...Something has to handle them. No, they don't have their corporate – they might have a corporate office but not a big office. So, they must have officers here. I mean that is why make it convenient for them to hand it over to company to run it.* Akan tetapi apa yang berlaku tadi ialah masalah besar yang kita tahulah.

Tuan Pengerusi: Ya, *but you have already* membanding dengan negara yang lain Singapore, Indonesia, so apa cara yang Malaysia akan mengendali selepas tamat Mono Circle. *You want to follow* Japan, Australia, Hong Kong atau negara seperti Singapore, Indonesia. *Those are replacement that you are looking at?*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat, *at this juncture* disebabkan kita telah ada satu keputusan Jemaah Menteri dan kita kena *follow* keputusan Jemaah Menteri yang ada yang mengarahkan supaya kita tamatkan perkhidmatan Mono Circle dan kita kembalikan kepada syarikat-syarikat penerbangan. Walaupun Yang Berhormat pada mesyuarat yang kita adakan bersama-sama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan juga JIM, *still* syarikat-syarikat penerbangan dan JIM, saya boleh kata syarikat penerbanganlah sebab saya di bawah MOT.

Mereka masih lagi berpandangan bahawa keperluan untuk melantik syarikat untuk *handle this*, NTN ini, seperti mana yang dilaksanakan di Singapura, di Thailand dan juga di Indonesia *because it is very important to ensure* tempatnya ada dan juga daripada segi pengurusan itu lebih teratur. Bezanya dengan sekarang ini Yang Berhormat adalah apabila pengurusan berkaitan dengan ini, apabila SOP itu tidak jelas. Apabila SOP nya jelas dan kalau perlu dilantik mana-mana syarikat mungkin kita akan lantik mengikut proses-proses tender yang biasalah.

Maknanya, proses tender yang secara telus dan kita kena pastikan bahawa *in the end it should be the airlines or the passenger* sendiri yang menanggung satu-satu kos bergantung pada sebab apa dia di NTL kan. *Because the key, the termination just now* adalah *the reason of NTL* sama ada *the reason* itu adalah *responsibility of the aircraft operator* ataupun *something which is beyond aircraft operator which is the state.* So, *this is* apa yang kita sudah buat, okey.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Reason* atas airport, atas operator ini very... [Bercakap tanpa menggunakan sistem pembesar suara] ...Tak clear satu, and we not being transparent to the...

Tuan Pengerusi: *To the* pelawatlah? Apa sebab ya?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Yes, put on the website. Anybody comes from India, anybody come from Bangladesh or whether they come from, tell them what is the minimum amount? You put it very clearly, if you don't have it, then it becomes your responsibility now to go back to your country. So, we are not clear, it's being very subjective, you are leaving for people to interpret.*

Tuan Pengerusi: So NTL SOP tak jelas.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *And we must be transparent, that is our opinion.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: Yang Berhormat...

Tuan Khoo Poay Tiong: *Special taskforce* sekarang siapa yang *in charge*?

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: KDN.

Tuan Khoo Poay Tiong: KDN yang *in charge* lah? [Disampuk] *They are the one in charge* dan kamu salah satu daripada *officer inside there*.

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: *Can I just add one, just to inform members* Yang Berhormat. Kalau kita lihat maklumat daripada *Mono Circle, numbers of passenger* yang kena NTL ini kebanyakannya dari Bangladesh, Pakistan dan India. Profilnya adalah kesemua yang datang ke Malaysia sebenarnya hendak bekerja.

So, I think that is the reason why kita mohon supaya ditempatkan *Airport Liaison Officers* maksudnya pegawai JIM di negara *origin*. Sebelum hendak naik kapal terbang, so perkara ini dapat diselesaikan pada ketika itu supaya tidaklah bila sudah sampai di Malaysia baru nak NTL. *So, sepatutnya before that* kita sudah ada satu inisiatif.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *I taught China is one of that, China.*

Encik Mohamad Radzuan bin Mazlan: China...

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Statistik kita sudah tahulah, mana negara yang ada masalah ini.

Tuan Khoo Poay Tiong: Kita tak ada masalah, kalau ada keraguan mereka tak boleh masuk, perlu dihantar balik. Itu kita tak ada masalah. Itu memang kerja Jabatan Imigresen. Persoalannya ialah apabila insiden ini berlaku di mana yang ditahan itu mengeluarkan tuduhan bahawa mereka diminta untuk RM18,000 dan kalau ikut sini hanya kata satu hari lebih kurang hanya RM130 sahaja, kan? Jadi itu ialah masalah pokok dia.

Kalau kita kata Singapore ataupun negara lain juga melantik syarikat swasta untuk kendalikan mereka yang tak boleh *landing*, adakah mereka juga menghadapi masalah seperti yang kita hadapi di Malaysia? Kalau mereka tidak ada, kenapa Malaysia berlaku perkara ini?

Itu yang kita hendak siasat dan perkara ini bukan hari pertama berlaku, itu bukan kes yang pertama.

Sebelum ini sudah berlaku banyak kes cuma kali ini *highlight* dengan begitu besar sekali sebab itu semua orang baru tahu Mono Circle yang *handle* ini. Jadi, satu dunia sekarang tahu pasal ini kerana salah Mono Circle dan kita sudah *renew* dia punya kontrak tiga tahun dan tiga tahun, kontraknya sudah tamat kita *renew* lagi tiga tahun. *First three years* kalau sudah ada masalah, kenapa masa itu kita tak syorkan seperti apa yang disyorkan oleh Jemaah Menteri hari ini?

Tadi kata AOC yang lantik mereka. Sekarang Jemaah Menteri yang buat keputusan tamatkan pelantikan mereka. *That means the* AOC akan dengar cakap Jemaah Menteri lah sebab negara kita itu kuasa yang terbesar, dia perlu ikut. Akan tetapi bukan Jemaah Menteri yang tamatkan, Jemaah Menteri akan maklum kepada AOC, *better you terminate* Mono Circle punya servis. Akan tetapi Mono Circle ini, *I think* kita *have to take action against them also* lah. Dia sudah memburukkan nama negara kita.

Tuan Pengerusi: Itu yang kita hendak lihat kepada undang-undang yang sedia, adakah jelas undang-undang atau ada satu kelemahan. Itulah yang saya hendak tanya tentang *aircraft operator* dengan NTL, adakah ini di bawah Kementerian Pengangkutan atau KDN? Mana kementerian atau *overlapping* atau sudah jatuh kalau *in between*? Siapa yang bertanggungjawab tentang pelantikan Mono Circle atau kebenaran hendak diambil daripada MAHB? Mana agensi yang bertanggungjawab?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Bagi pada pandangan kami dan juga apa yang kami bawa dalam Jemaah Menteri lebih kepada KDN sebab ia melibatkan urusan masuk, keluar *that's all*. Orang tak boleh masuk sesetengah negara dia pertahan, siapa tahan? Imigresen. *So, they have to deal with this. Thanks* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ada apa cadangan untuk menambahbaikkan daripada segi undang-undang, *Immigration Act* kah, apa-apa undang-undang yang ada, supaya kita boleh memberikan syor.

■1520

Dato' Iskandar Mizal Mahmood: Saya rasa Yang Berhormat dengan izin, bukannya cadangan perundangan tetapi cadangan pengoperasian. Banyak negara lain seperti juga kami rakyat Malaysia sekiranya hendak pergi ke negara-negara Eropah ataupun Australia di mana kami tidak memerlukan langsung visa, Australia, kita tidak memerlukan visa. Akan tetapi, kaedah pengoperasian yang diguna pakai oleh negara tersebut adalah masih lagi sebelum kita sampai ke sana dalam masa dua minggu sebelum, kita terpaksa melaksanakan *Electronic Travel Authorisation (ETA)*.

Jadi, di situ banyak yang kita boleh mengekang ataupun menghalang perkara-perkara yang tidak diingini kerana pada masa itu kita telah mempunyai maklumat-maklumat seperti

hotel ataupun tempat tinggal di mana dan juga apakah tujuan dan sebagainya. Jadi, *Electronic Travel Authorisation* (ETA) itu diguna pakai dan juga dimasukkan dalam sistem imigresen, jadi apabila sampai ke negara seperti di Melbourne, Australia atau di mana-mana sahaja, semua maklumat telah dimasukkan di dalam pasport.

Jadi, apabila sampai sahaja di sana tidak memerlukan sebarang dan banyak lagi pemeriksaan dan sebagainya. Sebenarnya kalau hendak digunakan pepatah di mana *let's not reinvent the wheel*, banyak lagi benda-benda yang telah sedia ada di peringkat antarabangsa. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Yang Berhormat, cadangan daripada pihak kementerian pula, *I think again, do not reinvent the wheel. Let's follow the article 59 and article 591. It's very clear* Yang Berhormat. Kalau jatuh di bawah tanggungjawab *aircraft operators* tadi, *reason* ia *very clear*. Akta 591 pun *very clear*.

Kalau ini boleh dimaktubkan dalam kita punya akta dan *we know demarcation of law* tadi, tanggungjawab siapa, kalau berlaku sesuatu kes siapa yang akan bertanggungjawab? Sekarang masalahnya *state* langsung tidak mahu ambil tanggungjawab dalam hendak memulangkan balik. *We are putting the entire* tanggungjawab kepada *airline operators which I think is not fair. Alright? This is because you have not made things clear to the airline operators*. So, kalau boleh dipertimbangkan supaya *article* ini diambil kira dalam pindaan akta di bawah imigresen. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ertinya sekarang kalau sebab pertama atau sebab kedua ini, semua akan dikendalikan oleh Mono Circle? Sebab pertama atau kedua, sama ada sepatutnya tanggungjawab *aircraft operator* ataupun *the state*, semua itu akan dikendalikan oleh Mono Circle, kan? Sekaranglah? So, *that means* semua bayaran itu akan ditanggung oleh *aircraft operator*?

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
...Pelawat tadi, ada kes di mana pelawat yang bayar. Pelawat yang dikenakan bayaran...

Tuan Pengerusi: Akhirnya pelawat itu hendak bayar balik kepada *aircraft operator* tetapi itu di antara merekalah supaya daripada segi persepsi bukan pegawai kita yang tanya.

Tuan Khoo Poay Tiong: Caj ini daftar RM30, makan RM50, ruang tunggu RM50, adakah terpapar di ruang menunggu sana? Ada?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ada satu perkara yang telah dibangkitkan tentang komunikasi bahawa mereka yang datang dari China atau India ada masalah komunikasi dengan pegawai. Sepatutnya di zaman *smartphone* ini ia tidak boleh menjadi satu masalah. Apakah *airport* boleh membantu tentang mengadakan *devices*? *Today you just click the button and you can communicating in Japanese or Russian* pun boleh. So, *I want to ask the airport authority, what can be done in our airport that we don't have this problem on not being able to communicate?*

Dato' Iskandar Mizal Mahmood: Tuan Pengerusi, sebenarnya di Lapangan Terbang kami terutama sekali di pintu masuk utama iaitu KLIA dan juga KLIA 2, kami menyediakan pegawai-pegawai kami yang boleh bertutur dengan fasihnya bahasa-bahasa tertentu iaitu Mandarin, Arab dan sebagainya. Jadi, terutamanya di balai ketibaan, kami menempatkan pegawai-pegawai kami di situ untuk membantu. Jadi, di sini juga saya dan juga pihak rakan-rakan saya juga ada memberikan ruang untuk sekiranya Jabatan Imigresen memerlukan khidmat kami, dengan secara percumanya kami akan berikan. Jadi, itu yang pertama. *We already have personnel on the ground.*

Kedua, cadangan itu tadi Yang Berhormat, sebenarnya sekiranya saya hendak menyediakan satu *device* dan sebagainya, saya rasa pada zaman ini, di waktu sekarang ini, semua orang sudah mempunyai, memang sudah ada di sini. Jadi, saya rasa pegawai-pegawai imigresen juga mempunyai *device* mereka sendiri di mana mereka boleh menggunakan tetapi saya mengambil maklum dan juga akan melihat sekiranya ada peranti-peranti lain yang kami boleh guna pakai untuk membantu menterjemahkan atau mentafsirkan pertuturan di tempat lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong: Saya baru kembali dari China, *I* pergi Beijing. Mereka punya *airport*, mereka sudah ada *device* yang boleh *translate* secara automatik. *You just scan you* punya pasport, ia sudah bertutur dengan *you* dalam bahasa Melayu. *I think* benda ini sudah ada, *I mean we just*, boleh *implement* dan ia banyak bahasa yang boleh pakai. *You just scan your* pasport, ia sudah boleh cakap. *You* cakap bahasa Melayu dan ia balas *you* dengan bahasa Melayu. Memang sudah ada.

Dato' Iskandar Mizal Mahmood: Saya setuju sangat Yang Berhormat kerana saya sebagai pegawai di *airport*, saya selalu terpaksa melakukan mesyuarat-mesyuarat di luar negara. Satu contoh yang saya boleh kongsi di sini, saya baru pulang dari Kansai, Jepun. Di mana prosesnya ialah aplikasi ini, *a device. This is a scanning immigration device. I just pass my passport, first time, they scan my face and my thumbs, fingerprints. Less than three minutes and I was already out and it is in English or as you said Mandarin*, semua ada.

Selepas itu apabila saya hendak keluar, itu lagi saya terkejut. Apabila saya hendak keluar *all I needed to do was just open my passport, place it there and in three seconds*, Yang Berhormat, tiga saat pintu buka dan saya sudah terus boleh keluar. Jadi, sememangnya ada perkara-perkara itu.

Akan tetapi Yang Berhormat, perkara-perkara sebegini, peranti-peranti sebegini adalah bukan di bawah tanggungjawab Malaysia Airports kerana itu adalah imigresen. Peranti-peranti sebegini rupa adalah di bawah hak kuasa mutlak imigresen.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Serian, ada apa-apa hendak bertanya?

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Nothing? So...*

Puan Nazira binti Abdul Rahim [Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia]:

Tuan Pengerusi, *sorry I was...*

Tuan Pengerusi: *Yes please, please do.*

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Saya Puan Nazira binti Abdul Rahim daripada SUHAKAM. Saya cuma sedikit tidak jelas, Yang Berhormat tadi asyik berulang mengatakan Mono Circle bersalah, Mono Circle bersalah itu, boleh *enlighten* sedikit? *Briefly?* Di mana ia bersalah itu? *You just mentioned just now*, mengatakan salah ini pada Mono Circle, kita malu satu Malaysia. *You just said just now. Can someone please enlighten me on that, briefly? Thank you.*

Tuan Khoo Poay Tiong: Dalam insiden yang berlaku baru-baru ini, kalau kita lihat laporan tersebut mangsa mengatakan ada orang meminta wang daripada dia lebih kurang RM18,000 dan kalau kita lihat sekarang mereka yang NTL ini, mereka dikendalikan oleh suatu syarikat swasta.

■1530

Syarikat swasta yang kendalikan, Mono Circle yang mengendalikan. Jadi, ikut apa yang didakwa oleh mangsa tersebut mengatakan dia diminta wang sebanyak RM18,000. Jadi, kita nak tahulah kenapa dia minta sampai begitu banyak wang. Itulah sebabnya kita nak adakan *hearing* ini semua, untuk mencari kebenaran apa yang berlaku. Sama ada apa yang disebut oleh mangsa itu betul ataupun orang yang berhubung dengan dia itu memang daripada Mono Circle atau itu ialah siapa. Itu yang kita hendak siasatlah sekarang. Sebab rata-rata apabila isu ini bangkit, semua akan salah faham dan ingat ini ialah kesalahan pegawai kerajaan.

Akan tetapi, kalau kita lihat hari ini mengatakan bahawa yang kendali itu ialah Mono Circle. Bukannya tak kena mengena dengan mana-mana MOT punya *officer* ke, tak kena mengena dengan KDN punya *officer* ke. Mono Circle yang kendalikan ini semua dan kita faham bahawa tiket untuk balik ke sana RM500 tetapi dia dicaj RM3,000. Jadi, ini semua kita nak siasatlah apa yang dia sebut itu benar atau tidak. Siapa yang ambil kesempatan ini semua? Kenapa kita nak biarkan satu syarikat, kalau betullah syarikat itu yang minta wang itu, kita nak tahu kenapa kita boleh biarkan syarikat itu bermaharajalela begitu sahaja dan imej negara kita rosak. Itu yang kita hendak siasatlah.

Ha, dia kata dia *offer* dia, "*Sekarang you tak boleh masuk Malaysia. Okey, saya offer you caranya. You beli satu tiket balik ke Shenzhen, lepas itu saya beli lagi satu tiket dari Shenzhen balik ke KLIA dan saya boleh jamin lepas itu you mesti dapat masuk ke Malaysia. Akan tetapi, kos keseluruhan tiket balik dan tiket ulang-alik ialah RM3,000 untuk satu tiket dan ulang-alik ialah RM6,000. Yang selebihnya RM12,000 ialah management cost fee untuk saya pastikan yang you akan dapat masuk ke Malaysia selepas you balik ke Shenzhen lepas itu*

dari Shenzhen balik ke KLIA. Saya akan pastikan awak boleh masuk ke Malaysia". Kemudian dia minta lagi RM12,000. So, *the total is* RM18,000.

Itu yang disebut oleh mangsa tersebut. Jadi, kita nak tahu siapa yang sebut ini semua. Kalau bukan imigresen, bukan MOT, bukan Malaysia Airport, siapa dia? Ini bukan kes pertama ya, sudah banyak kes dan jumlahnya boleh melambung tinggi dan apabila insiden ini berlaku, ramai warganegara China yang ada pengalaman yang sama telah menyuarakan pengalaman mereka dalam sosial media mereka. So, ini memang akan menjejaskan imej kita.

Tuan Pengerusi: Okey, ada apa lagi *last words*? Kalau tidak, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan daripada Kementerian Pengangkutan dan juga MAHB serta semua yang ada. Selepas ini, kita akan berjumpa dengan KDN dan imigresen dan apa yang telah diberitahu oleh anda semua, kita akan tanya kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem: *Chairman, can I just say something? Sorry, you have ended your closing remark. Actually whether I call it today a hearing or not, but I am very impressed by the explanation given by MOT and I believe that this explanation is the way forward. We want to do things better for the nation and I believed one of the things which we have product, with also after this we will be hearing from the KDN and with this, I believe that is a good thing forward for Malaysia because before this special hearing, I for one, I do not know who is actually at fault. Who is actually at fault, whether this Immigration Department or Ministry of Transport or Mono Circle? So, thank you very much.*

Tuan Pengerusi: *Thank you very much.*

[Saksi-saksi meninggalkan bilik mesyuarat]

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 3.35 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 4.25 petang]

■1620

Tuan Pengerusi: Semua sudah ada? Semua ada ya? Boleh kita bermula? Selamat petang dan selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka, Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, Ahli Parlimen Serian, Yang Berhormat Tuan Zahari bin Kechik, Ahli Parlimen Jeli dan juga pegawai ex-officio yang hadir ke Mesyuarat pada hari ini.

Mesyuarat juga mengalu-alukan kedatangan wakil dari Kementerian Dalam Negeri pada hari ini, Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri dan wakil-wakil kementerian. Mesyuarat turut mengalu-alukan kedatangan Jabatan Imigresen Malaysia pada hari ini yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Ruslin bin Jusoh, Ketua Pengarah Imigresen, Encik Mohd Russaini

bin Idrus, Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pasport, Puan Norlizawaty binti Abdu Samad, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Encik Nooruladzim bin Ateman, Timbalan Pengarah Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Yang Berusaha Puan Noor Idayu binti Mohd Surol, Timbalan Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan wakil-wakil dari Jabatan Imigresen.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat hari ini bertujuan untuk membincangkan insiden yang berlaku di KLIA pada 29 Jun 2023 melibatkan dua orang warganegara China yang ditahan oleh pegawai imigresen di bawah Undang-undang Imigran-imigran Larangan dan memahami kekangan kepada undang-undang sedia ada serta memberikan cadangan kepada kerajaan berkaitan penambahbaikan kepada undang-undang atau pindaan kepada Akta Imigresen [*Akta 155*] berkaitan Imigran-imigran Larangan dan Kendalian Proses *Not-to-Land*.

Pada Selasa, 24 Julai 2023 yang lalu, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat pertama berkaitan isu ini yang dihadiri oleh wakil *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA) dan satu kenyataan media telah dikeluarkan tentang mesyuarat itu. Pada 2.30 petang ini juga telah berlangsung taklimat dari Kementerian Pengangkutan dan *Malaysia Airport Holdings Berhad* (MAHB) dan bagi mesyuarat pada hari ini, jawatankuasa ini akan mendapatkan penerangan daripada wakil Kementerian Dalam Negeri bagi memberikan penerangan terhadap isu berkaitan dan juga dari Jabatan Imigresen Malaysia. Saya dengan ini menjemput Kementerian Dalam Negeri untuk menyampaikan taklimat.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman [Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran semua ahli-ahli Mesyuarat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat bersama-sama kita pada petang ini. Bersama saya adalah Yang Berbahagia Dato' Ruslin bin Jusoh yang merupakan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dan juga beberapa orang pegawai daripada KDN dan juga Jabatan Imigresen Malaysia.

Jadi, saya rasa KDN dan JIM menyambut baik usaha Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Kelima Belas ini untuk memanggil KDN dan juga JIM bagi memberi penjelasan ke atas insiden yang telah berlaku baru-baru ini pada 29 Jun 2023 yang lalu.

■1630

Jadi berkenaan dengan isu ini, *of course* ia masih di peringkat siasatan baik oleh pihak SPRM dan juga oleh pihak PDRM. Cuma yang penting pada petang ini kita hendak mengutarakan apakah proses-proses yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia khususnya tentang tata kelola Notis Penolakan Masuk atau pun *Not-to-Land* yang kita

laksanakan di pintu-pintu masuk negara sama ada di pintu masuk udara, laut atau pun darat. Jadi, kita ada SOP daripada segi penolakan masuk ini.

Kita laksanakan NTL ini berdasarkan kepada kuasa Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Akta Imigresen 1959/1963. Jadi berdasarkan akta tersebut, maka adanya SOP daripada segi NTL ini siapa yang Imigran yang dibenarkan masuk atau pun yang tidak dibenarkan masuk dan apakah tindakan-tindakan yang dilakukan apabila seorang pengembara atau pun pelancong tiba di pintu masuk kita. Jadi, perkara ini akan dibentangkan dengan lebih lanjut dan lebih mendalam oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia sendiri sebab ia melibatkan operasi khususnya di— kalau dilihat kepada insiden ini di KLIA.

Jadi, nantinya akan dibentangkan apakah syarat-syarat kemasukan, apakah prosedur dan juga statistik tentang jumlah pelancong atau pun pelawat yang masuk dan keluar di pintu masuk negara sepanjang tahun ini bermula dari Januari hingga Jun tahun ini dan juga berapakah jumlah yang imigresen kenakan NTL. Jadi, dari situ kita boleh nampak *percentage* yang bagi saya memang kecillah yang kita penolakan masuk ini sebab berdasarkan kepada kriteria yang kita tetapkan.

Jadi, untuk tidak melengahkan masa saya mempersilakan Yang Bahagia Dato' Ruslin bin Jusoh, Ketua Pengarah Imigresen untuk menyampaikan taklimat seterusnya. Silakan Dato'.

Dato' Ruslin bin Jusoh [Ketua Pengarah Imigresen, Jabatan Imigresen Malaysia]: Terima kasih Yang Bahagia Dato' TKSU Keselamatan, Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen selaku pengerusi dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pegawai-pegawai dari KDN dan imigresen. Pertamanya saya hadir ke sini bagi untuk maklumkan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihanraya dan Reformasi Parlimen mengenai tatakelola Notis Penolakan Masuk (*Not-to-Land*) hasil daripada insiden di KLIA baru-baru ini. *Next slide, next.*

Sebelum saya pergi lebih dalam, mungkin kita patut berkongsi sebenarnya di mana kita berada sekarang. Kalau kita tengok di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kita ada 140 pintu masuk. Kita libatkan udara darat dan juga melalui pelabuhan. Dari situ kita tengok ada yang beroperasi dan ada yang tidak beroperasi, ada yang beroperasi secara *ad hoc*. Sebagaimana yang kita tengok tidak aktif itu, ketibaan kapal-kapal pelancong sebagai contoh dia datang secara berkala, mungkin seminggu sekali. So, pegawai kita akan hadir pada ketibaan hari tersebut untuk buat *clearance* di pelabuhan tersebut. Pada hari biasa kita tidak hadir, secara *on off*-lah. Akan tetapi, yang aktif adalah 24 jam, ada yang sebahagiannya separuh hari sampai pukul 6.00 petang bergantung kepada kesibukan atau pun keluar masuk pelawat dari negara asing. Okey, *next.*

Kalau ditengok statistik bagi tahun ini ya, kita tengok ada peningkatan disebabkan selepas COVID-19 dan juga kalau kita tengok keseluruhan ya, pelawat yang masuk ke

Malaysia ini merujuk pada warganegara asing adalah seramai 15,129,985 iaitu sehingga pertengahan bulan Julai, 15 Julai dan kalau kita tengok di sini China merupakan antara yang tertinggi kalau kita tengok rekod dia berbanding dengan Singapore dan juga Indonesia. China kita ada lebih kurang 694,743. Jumlah itu lebih kurang 100,000 sebulan Yang Berhormat, kemasukan pelawat daripada China tetapi Singapura, Indonesia dan juga Thailand itu berdekatan jumlahnya begitu banyak terutamanya kalau tengok Singapura tu lebih kepada melalui laluan Tambak Johor dan juga Kompleks Sultan Abu Bakar di Tuas. *Next*.

Ini kalau kita tengok di mana jumlah tertinggi kemasukan ke negara kita. Kalau ditengok yang saya sebut tadi adalah di Bangunan Sultan Iskandar dan juga di Gelang Patah itu antara yang kita kenali sebagai Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). Dua pintu masuk utama Malaysia dan Singapura dan seterusnya kalau ditengok KLIA 1 dan KLIA 2, Terminal 1 dan Terminal 2 lah dan seterusnya sampai ke sempadan kita di Pengkalan Hulu, Bukit Berapit itu yang paling rendah kemasukan. *Next*.

Okay, *procedure* kemasukan ke dalam negara kalau kita lihat setiap pengembara atau warga asing yang masuk ke Malaysia ini, mereka perlu ada syarat-syarat sebelum satu Pas Lawatan Sosial dikeluarkan. Pas Lawatan Sosial ni kalau kita bahasa lebih mudah pas pelancong, Yang Berhormat. Kita ada *term* dia. Hendak melancong Malaysia buat lawatan sosial masuk ada tempoh-tempoh tertentu. Ada negara kita bagi sebulan macam Indonesia kita bagi sebulan dan ada negara lain ada 15 hari, ada tiga bulan, itu bergantung dengan syarat-syarat yang kita tetapkan.

Apa yang pentingnya Pas Lawatan Sosial ini dikeluarkan, mereka perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut antaranya adalah mempunyai pasport dalam keadaan baik dan masih sah laku. Kalau kita tengok apa maksudnya pasport dalam keadaan baik tu kalau sah laku, itu biasanya enam bulan dia tak boleh kurang dari enam bulan, itu satu faktor. Macam kita hendak *travel* ke luar negara pun akan menjadi kesusahan kalau dia lebih pada enam bulan, pasport dia mati.

Akan tetapi dalam keadaan baik itu adalah antaranya adalah pasport itu tidak rosak Ada kita banyak kes apabila tiba di KLIA, pasport dia kita tak boleh baca, terkena air atau pun dia masa minum dalam kapal terbang terkena air tak boleh baca rekod dia masuk atau pun ada di kalangan mereka sudah habis ruang untuk cap, kes yang selalu kita temui. Mereka itu sebenarnya tidak boleh masuk sebab kita tidak boleh rekodkan dalam sistem kita.

Keduanya mereka mempunyai visa yang sah bagi negara-negara tertentu. Hendak masuk Malaysia mereka perlu *apply* visa dahulu kalau sekarang ini kita ada eVISA. Mereka boleh memohon secara dalam talian dan kebanyakan negara seperti China, mereka perlu memohon di sana dan diluluskan oleh *attaché immigration* di China. Kita ada pegawai-pegawai imigresen kita yang akan meluluskan permohonan visa tersebut.

Seterusnya, mereka perlu menunjuk keupayaan untuk duduk di Malaysia dalam tempoh tertentu dan juga pulang balik ke negara asal. So, kita tengok ini adalah penting seperti tunjuk tiket pulang dan juga dalam keadaan tertentu mereka itu kita tengok dia memang datang untuk bercuti. Itu penting. Kalau dia tiada keupayaan, mungkin dia datang dia bawak jumlah wang yang sikit mungkin dia datang hendak bekerja dahulu. So, itu melanggar syarat-syarat untuk di bawah Pas Lawatan Sosial.

Kalau tengok lagi bukti penginapan jadual percutian sebenarnya bukti penginapan ini biasanya kita tengok *confirmation* dari hotel. Bagi kes yang tak duduk hotel, kita juga ada kes rujukan duduk rumah saudara mara terutamanya kita ada dari Indonesia, dari Filipina ada juga saudara mara dia tinggal di sini. Dia boleh membuktikan. Kita akan semak dengan sedara dia. Betulkah ini dan dia itu adalah kita boleh bagi dia masuk dan juga kebiasaan mereka bercuti ini mereka tahu mana hendak pergi. Ada kes di mana Yang Berhormat dia tidak tahu mana hendak pergi. Bila sampai kat *airport*, kita tanya hendak melawat ke mana? Dia tak tahu dia hendak pergi Penang ke Melaka ke hendak pergi ke Sabah ke dia tidak tahu. Jadi, itu perkara-perkara yang diragui semasa mereka hendak masuk.

Seterusnya, adalah bebas daripada senarai syak jabatanlah. Ini kes-kes antaranya adalah mereka yang tidak— yang pernah diusir keluar. Sebagai contoh mereka itu dahulu datang secara tidak sah, kita usir keluar. Apabila mereka diusir keluar mereka akan disenarai syak ataupun *blacklist*. Mereka tidak boleh masuk balik Malaysia dalam tempoh tertentu dan sistem *Stolen and Lost Travel Document* ini itu juga adalah dokumen mereka itu telah hilang dan mungkin disalah gunakan oleh orang lain. So itu perkara-perkara yang kita tengok juga. Seterusnya mereka ini bukan daripada golongan imigran yang tidak diingini sebagaimana peruntukkan seksyen 8 Akta Imigresen. Nanti kita jelaskan di sini siapa sebenarnya golongan imigran yang tidak diingini. *Next*.

Ini dia adalah imigran-imigran larangan. Kalau tengok secara keseluruhannya mereka ini tidak sesuai, dilarang masuk untuk masuk ke Malaysia di mana antaranya mereka tidak dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungannya atau bahawa dia mempunyai kerja yang tertentu yang menanti atau mungkin menjadi papa atau menjadi beban kepada orang awam.

■1640

Ini tertakluk dalam akta kita, maknanya dengan erti kata lain, mereka ini tidak ada apa-apa pada diri mereka ketika mereka masuk Malaysia ini.

Kedua, mereka ada masalah kesihatan seperti sakit otak, kecacatan mental dan mengalami penyakit-penyakit yang boleh membahayakan masyarakat kita. Seterusnya adalah apabila kita minta mereka membuat pemeriksaan, apabila dia hendak masuk itu, kita tengok keadaan dia tidak begitu sihat, mereka tak nak. Ada juga kes yang mereka *refuse* untuk itu dan juga ini termasuk dalam golongan itu dan sekiranya mereka yang disabit di

mana-mana negara lain, kesalahan-kesalahan seperti dihukum penjara bagi tempoh dan tidak menerima pengampunan, kita boleh juga meletakkan mereka di bawah kategori ini.

Walau bagaimanapun, keadaan ini bersabit dianggap oleh kita sendiri sebagai Ketua Pengarah, sebagai orang yang kita tidak ingin. Ada sebahagian kita tengok *case-by-case* juga. Akan tetapi, mereka ini tertakluk dalam kategori ini. Yang akhir sekali pada masa dahulu di tulis— jelaslah Yang Berhormat mana-mana pelacur. Kalau dahulu kita— akta tahun dahulu dia sebut *very specific*-lah “*mana-mana pelacur, atau mana-mana orang yang hidup atas atau menerima atau yang sebelum memasuki Malaysia, hidup atas atau menerima hasil pelacuran*”. *To be specific*, dia sebut pada masa itu. Maknanya, kita— pada masa dia masuk itu, kita tengok mereka itu datang untuk melacurkan diri. Berdasarkan diri dia, penilaian pegawai kita, kita boleh nafikan dia untuk masuk ke Malaysia.

Seterusnya, “*mana-mana orang yang memperoleh atau cuba membawa ke Malaysia pelacur atau wanita atau perempuan bagi tujuan pelacuran atau tujuan-tujuan lain yang tidak bermoral ini juga yang bersama mereka kutu rayau atau peminta sedekah dan mana-mana orang yang kemasukannya ke Malaysia adalah atau pada masa kemasukannya, menyalahi undang-undang bertulis pada masa itu*”. Ini antaranya mereka yang melanggar undang-undang kita yang telah masuk ataupun sebelum pada ini.

“*Mana-mana orang yang mempercayai atau yang menjalankan kegiatan untuk menjatuhkan negara secara paksa atau kekerasan*”. Ini juga kita tengok seperti menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan negara, mengajar tentang kerosakan harta benda dan juga menyalahi undang-undang. Dengan erti kata, mereka ini kita lihat, kita percaya bahawa mereka akan datang melanggar undang-undang di Malaysia ini.

Akhir sekali, “*mana-mana orang atau mana-mana ahli atau kelas orang-orang di mana suatu perintah telah dibuat untuk membatalkan pas atau permitnya*”. Itu adalah yang kita telah putuskan di sini bahawa permit mereka dibatalkan atas kesalahan-kesalahan tertentu. Mereka juga tidak dibenarkan masuk.

Seterusnya, kalau kita tengok— banyak ini Yang Berhormat ya. Boleh saya ataupun saya hendak *skip*...

Seorang Ahli: Kita ada masa.

Dato' Ruslin bin Jusoh: “*Mana-mana orang yang menjadi anggota atau bergabung dengan mana-mana pertubuhan yang berkaitan dengan atau memberi ajaran tentang ketidakpercayaan dalam atau menentang kerajaan yang wujud atau menjalankan atau mengajar tentang kewajipan, keperluan atau kewajaran serangan yang menjalani undang-undang atau membunuh mana-mana pegawai atau sama ada secara individu tertentu atau pegawai pada amnya, mana-mana pegawai atau mana-mana kerajaan yang ditubuhkan. Sebab oleh sifat rasminya atau mereka menganjurkan atau mengajar tentang kerosakan harta*

benda secara menyalahi undang-undang". Ini juga adalah aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara secara keseluruhannya.

Ke-12, "*mana-mana orang yang berikutan dengan maklumat yang diterima dari mana-mana sumber yang disifatkan oleh menteri sebagai boleh dipercayai atau dari mana-mana kerajaan, melalui saluran rasmi atau diplomatik, disifatkan oleh menteri sebagai imigran yang tidak diingini*". Ini juga melibatkan saluran rasmi permohonan daripada negara-negara. Di sini ada juga *clause* di pihak menteri juga, kuasa di peringkat menteri dan "*mana-mana orang yang seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa supaya memiliki dokumen perjalanan yang sah, mereka tidak memiliki dokumen-dokumen itu atau memiliki dokumen perjalanan atau yang diubah palsu*". Maknanya, mereka masuk dengan dokumen palsu *atau dokumen perjalanan yang tidak mematuhi dengan sepenuhnya undang-undang tersebut. Ini juga termasuk keluarga dan orang tanggungan seorang imigran*".

Itu juga adalah melibatkan dokumen-dokumen palsu yang mereka masuk. Sebagai contoh, kalau mereka datang ke— tiba di *airport* diperiksa oleh pegawai imigresen mengesyaki dokumen tersebut adalah palsu, kebiasaannya kita akan buka siasatan dan mereka bukan sahaja di NTL, tetapi ada kes-kes yang berkaitan dengan sindiket dan sebagainya, kita akan— tetapi, mereka ini tidak akan dibenarkan masuk.

Okey, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai notis *Not-to-Land* (NTL) adalah sesuatu notis yang tidak membenarkan atau perbuatan pegawai imigresen untuk melarang sebarang kemasukan seorang imigran larangan ke Malaysia selaras dengan seksyen 24(1) Akta 155 bagi seseorang yang tiba melalui laut atau udara dan seksyen 26(3) Akta 155 bagi mereka yang tiba melalui darat. Ini adalah satu notis berdasarkan peruntukan seksyen 24 dan seksyen 26.

Seterusnya, saya ingin berkongsi bagaimana tatacara pengendalian proses NTL ini. Bagi— nombor satu, bagi warga asing yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat kemasukan ke Malaysia akan dirujuk ke pejabat operasi untuk dilakukan proses *due diligence* oleh Pegawai Kanan Imigresen. Proses *due diligence* ini dilakukan seupaya perkara tersebut tidak ditolak kemasukan secara sewenang-wenangnya oleh pegawai Imigresen.

Ini merujuk begini, apabila seorang pelawat itu tiba, masuk ke Malaysia, tiba di kaunter Imigresen, pegawai-pegawai imigresen akan memeriksa dokumen yang dibawa tersebut dan juga antaranya kita juga buat proses *interview*, kita tanya dia mana hendak tinggal. Kebanyakan apabila kita tanya di mana hendak tinggal, mereka akan tunjuk bukti tiket. Bila balik, dia akan tunjuk bukti tiket dia balik. Proses itu kita selalu tanya, kita akan buat, itu sebagai *due diligence* untuk pastikan mereka itu kita boleh lepaskan.

Kalau mereka itu tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, kita buat satu lagi kita rujuk ke pejabat operasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pejabat operasi itu satu *floor*

dengan ketibaan itu, sebelah kiri. So, pegawai kita akan membawa pelawat tersebut pergi ke pejabat operasi untuk proses temu duga selanjutnya. Proses itu untuk mengelakkan kesesakan di pintu masuk di kaunter imigresen itu.

Selepas itu bila kita berpuas hati, maka pegawai Imigresen tadi tengok dia tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, maka notis NTL akan kita keluarkan. Ini bermakna akan ada satu borang akan ditandatangani oleh Pegawai Kanan Imigresen dan di sini kita tengok berapa penambahbaikan, saya akan jelaskan kemudian nanti bagaimana notis ini dikeluarkan selepas daripada insiden di KLIA itu kita buat penambahbaikan. Sudah dilaksanakan.

Seterusnya, sekiranya seorang pengembara warga asing itu dikenakan notis, kita sepatutnya merujuk kepada pihak penerbangan iaitu diuruskan penerbangan balik mereka. Dengan erti kata lain, mereka perlu diuruskan, dihantar balik oleh syarikat penerbangan tersebut dan syarikat penerbangan tersebut perlu memastikan bahawa mereka itu dihantar dengan secepat mungkin. Ini juga tertakluk di beberapa seksyen di bawah Akta Imigresen iaitu seksyen 24 yang jelas menyatakan bahawa mereka ini perlu dirujuk kepada pihak *airlines* yang bawa balik.

Kalau kita tengok sementara untuk menunggu balik, pengembara asing ini ditempatkan di satu ruang khas yang di *holding lounge*. Inilah yang disebut sekarang adalah yang diuruskan oleh syarikat Mono Circle. Di mana kalau tengok di tempat itu mereka ada satu kawasan yang agak luas dan ada kerusi menunggu dan juga ada kemudahan asas. Di mana syarikat Mono Circle itu memberikan perkhidmatan kepada mereka. Dalam erti kata lain, apabila seorang itu notis dikeluarkan, pegawai imigresen mengiringi pelawat tersebut ke fasiliti ini dan diambil oleh— diuruskan dari segi dokumentasi oleh pihak Mono Circle.

Okey, seterusnya saya menyentuh mengenai proses penghantaran pulang pengembara ini. Memang kita tengok di bawah notis NTL ini akan diuruskan oleh syarikat penerbangan, dengan erti kata lain menjadi tanggungjawab syarikat penerbangan untuk menghantar pulang mereka yang telah diberikan notis. Apabila kita telah keluarkan notis tersebut maka pegawai kita akan mengiringi pelawat tersebut ke bilik yang diuruskan oleh Mono Circle, itu amalan sekarang Yang Berhormat.

Saya maklumkan ini amalan sekarang dan Syarikat Mono Circle ini kita tengok telah dilantik oleh *Airline Operators Committee* (AOC) yang mewakili semua penerbangan dan beliau telah dilantik oleh 22 syarikat penerbangan. Beliau telah dilantik oleh 22 syarikat penerbangan, pelantikan Mono Circle pada 2015 lagi, yang menguruskan tempat *lounge*. *Lounge* itu disediakan oleh pihak Malaysia Airports Berhad. Kalau kita tengok di sini syarikat penerbangan bertanggungjawab menguruskan penghantaran pulang apabila pengembara berlepas ke mana-mana destinasi. Syarikat penerbangan bertanggungjawab untuk memastikan dia ada tiket pulang sebelum mereka dikeluarkan pas.

Begitu juga mereka juga perlu diberi makan dan minum dan juga tiket penerbangan yang menjadi tanggungjawab syarikat penerbangan. Berdasarkan seksyen 24(1) di bawah Akta Imigresen, “*Jika seseorang itu tiba melalui udara, dia tidak boleh meninggalkan halaman kapal terbang kecuali suatu tempat yang diluluskan oleh pegawai imigresen dan ia hendaklah meninggal dan berlepas daripada Malaysia melalui apa-apa cara, yang pertama sekali diperolehi mengikut arahan pegawai tersebut. Kapten bagi kapal udara yang mana orang itu tiba hendaklah jika dikehendaki sedemikian oleh pegawai tersebut memindahkan orang itu daripada Malaysia melalui kapal udara yang sama*”. Ini merujuk kepada *airline* yang tiba itu kena bawa balik penumpang tersebut.

Pengembara yang telah ditolak kemasukan akan dikeluarkan notis NTL dan diiringi oleh penyelia, yang saya sebut tadi Syarikat Mono Circle Sdn. Bhd. yang merupakan wakil daripada agensi penerbangan tadilah di bawah *Airline Operator Committee* dan Mono Circle ini ada pelantikan oleh 22 syarikat penerbangan.

■1700

Dia dapat ini melalui satu *committee*. Dalam hal tersebut, segala urusan mengurus tiket penerbangan balik, penyediaan ruang menunggu, makanan disediakan oleh pihak Mono Circle. Itu amalan yang berlaku pada masa kejadian ini. Segala urusan berkaitan pembayaran pembelian tiket atau urusan penghantaran balik penumpang negara ke asal selepas seorang pelawat dikenakan tindakan NTL adalah di bawah tanggungjawab syarikat tersebut. Dengan erti kata lain, syarikat tersebut perlu menguruskan dengan *airline* untuk membawa mereka itu balik. Ini adalah rekodnya pelantikan syarikat Mono Circle ini pada 12 Februari 2015.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai baru-baru ini telah memutuskan supaya proses penghantaran pulang pelawat ke negara yang menerima notis NTL diuruskan oleh syarikat penerbangan tanpa melibatkan pihak ketiga. Dalam masa yang sama juga, secara prinsipnya, Kabinet bersetuju supaya syarikat Mono Circle yang menguruskan NTL di Terminal 1 tersebut tidak diteruskan. Perkhidmatan syarikat Mono Circle tidak diteruskan itu diputuskan pada Mesyuarat Kabinet pada 12 Julai baru-baru ini dan dikembalikan kepada syarikat penerbangan. Maknanya kalau dulu Mono Circle— Kabinet supaya tak mahu meneruskan perkhidmatan Mono Circle dan kemudiannya diuruskan oleh syarikat penerbangan sebagaimana piawai amalan antarabangsa. So, itu ia hendak kembali kepada syarikat yang menguruskan.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, sebelum pelantikan Mono Circle, sebenarnya kita telah— amalan terdahulu kita serahkan kepada syarikat *airline*, terdahulu. Akan tetapi, apa yang berlaku adalah syarikat *airline* gagal untuk mengawal mereka yang di-NTL ini. Dia tak boleh jaga, menyebabkan NTL ini ada hilang semasa dalam kawalan dia. Dalam erti kata lain itu sebabnya semua syarikat *airline* itu bergabung sekali di bawah *Airlines Operators Committee* melantik syarikat ini.

Pada peringkat awal, adanya syarikat Mono Circle beroperasi di KLIA tersebut, pegawai JIM ada di situ. Kita menempatkan pegawai untuk mengawal selia keadaan tersebut. Akan tetapi, pada masa itu timbul tohmahan pegawai-pegawai JIM ini minta duit daripada penumpang, menyebabkan kita membuat keputusan pegawai JIM tidak perlu berada di situ dan kembali balik bertugas di bilik operasi kita. Itu kejadian pada masa itu. Selepas itu, fasiliti tersebut dikawal sepenuhnya oleh pihak Mono Circle. Pegawai JIM hanya pergi menghantar mereka yang NTL ke fasiliti tersebut dan apabila mereka sudah ada tiket, mereka memaklumkan balik kepada pegawai JIM sebab kita akan pegang passport. Pegawai JIM akan mengiringi mereka ini ke kapal terbang. So, menjadi tanggungjawab kita untuk kita pastikan dia kembali ke kapal terbang yang bawa mereka balik tadilah sama ada— ada kes di mana kapal terbang itu ada *next flight*, ada kena tunggu esok ataupun lusa. Itu adalah bergantung kepada kesesuaian dan juga *availability* kapal terbang tersebut untuk balik ke negara asal.

Untuk makluman Tuan Pengerusi juga, satu bengkel juga yang akan dipengerusikan oleh KDN dan juga pihak ibu pejabat imigresen pada 26 Julai yang melibatkan *KLIA Airport Operation Committee*, *Civil Aviation Authority* (CAAM) dan juga Malaysia Airports Berhad untuk membangunkan satu prosedur operasi standard bagi menguruskan pengembara yang telah dikeluarkan notis. Ini bermakna bila keputusan Kabinet untuk tidak meneruskan perkhidmatan Mono Circle, maka kita melihat bahawa perlu ada satu SOP baharu. Selepas ini siapa yang hendak menguruskan mereka NTL ini?

Kalau dulu sebagai contoh bila Mono Circle tidak lagi memberikan perkhidmatan tersebut, adakah kita hendak fikirkan perkara ini diserahkan balik kepada imigresen atau melantik mana-mana pihak ketiga yang difikirkan sesuai? Itu kita tengok lagi keadaan itu belum ada sebarang keputusan tetapi sebelum menunggu keputusan ini, kita sudah buat satu SOP baharu bagaimana untuk menguruskan mereka yang di-NTL-kan. Dengan erti kata lain pada hari ini pagi tadi kita sudah mesyuarat untuk menyediakan SOP. Sebab tempoh masa yang singkat ini, pihak imigresen, pihak KDN, ada juga pihak MAHB juga kita sudah *sit down*. *First meeting* kita sudah buat pagi ini untuk hendak buat SOP. Sebab bagi saya mahu kita segerakan SOP ini supaya kita boleh ambil tindakan arahan dasar, keputusan dasar oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak MOT.

Sebab *airport* sendiri berada di bawah bidang kuasa MOT. Akan tetapi, pihak imigresen kita hanya menguruskan sempadan pintu masuk di bawah Kementerian Dalam Negeri. So, kedua-dua agensi ini akan bersekali untuk melihat SOP ini, untuk luluskan SOP ini bagaimana kita hendak meneruskan proses NTL ini tanpa melibatkan Mono Circle. Itu sekarang kita ke arah itu berdasarkan keputusan Kabinet.

So, JIM juga akan mengeluarkan surat kepada AOC supaya tidak lagi menggunakan syarikat Mono Circle setelah SOP selesai. Bila di-*endorse*-kan SOP oleh pihak— kita akan

bawa kepada pihak kementerian dan bila sudah dipersetujui, maka kita akan keluarkan surat untuk memberhentikan terus. Dengan erti kata lain, mereka tidak boleh lagi beroperasi di situ.

Tuan Pengerusi: Ada masa yang ditentukan bila SOP baharu ini dapat diselesaikan?

Dato' Ruslin bin Jusoh: Tempoh masa— saya sebenarnya pada awal bulan Ogos itu, *first draft*. Saya hendak minta perkara ini diselesaikan pada bulan ini untuk *first draft* SOP itu. Mungkin ada dua *meeting* lagi, selepas itu *insya-Allah* kita akan— awal bulan depan kita cadang hendak bawa ke kementerian terus untuk percepatkan proses. Sebab saya tak nak lagi— sebab keputusan Kabinet sudah ada, so kita tak nak melengahkan lagi yang itu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh panjangkan satu salinan SOP baharu ini kepada jawatankuasa ini?

Dato' Ruslin bin Jusoh: Bila diluluskan di peringkat kementerian, kita akan panjangkan kepada jawatankuasa.

Tuan Khoo Poay Tiong: Dato', sebenarnya dua hari yang lepas kita ada dialog juga dengan MATTA...

Dato' Ruslin bin Jusoh: MATTA ya.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, MATTA ada *offer* diri mereka supaya mereka juga boleh beri sedikit cadangan atau pandangan dalam SOP kemasukan. Nanti boleh pertimbangkanlah kalau boleh. Sebab tidak tahu sama ada kamu boleh libatkan— sebab yang ini semua agensi kerajaan, yang *task force* ini. Bolehkah kamu pertimbangkan?

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Saya rasa Yang Berhormat untuk buat *engagement* ini tak ada masalah. Maknanya mungkin pihak JIM selepas ini boleh panggil untuk dapat input, *maybe* dia ada cadangan tertentu yang mungkin kita boleh tengok dalam SOP kita.

Tuan Pengerusi: Mereka juga memberikan beberapa cadangan kepada kita. Antaranya masalah kepada mereka ialah SOP yang sedia ada untuk NTL tidak begitu jelas kepada mereka yang akan melawat Malaysia. MATTA telah menghabiskan masa, tenaga dan wang untuk promosi kita tetapi bila mereka datang, dikenakan NTL. Itu sudah memberikan satu kesan negatiflah. Juga saya tahu tentang budi bicara pegawai untuk menentukan seorang NTL atau tidak. Mereka meminta mengambil kira seperti yang dalam kes ini, tiket pulang sekarang tidak ada fizikal. Memang di dalam *device*. So, ini hendak diambil kira. Itu yang pertama.

Kedua juga ialah tentang wang. Hari ini mereka tidak guna lagi wang tunai, tak bawa *cash*. So *eWallet*, Touch & Go, *credit card* kah, itu juga boleh hendak digunakan. Akan tetapi, ada yang tanya berapa yang menjadikan cukup supaya bila diminta cukup wang atau ada— ini kepada mereka yang datang menjadi satu masalah tentang untuk masuk. Syarat-syarat yang digunakan. So, mereka meminta ini kalau boleh SOP ini dikongsi supaya mereka

sebagai MATTA juga kepada sesiapa pun lah— kita boleh melihat beberapa negara yang biasa datang supaya pelawat tahu apa syarat SOP supaya mereka tidak di-NTL-kan.

■1710

Ada juga tadi Menteri Pengangkutan mencadangkan mengadakan pegawai di negara asal untuk memastikan mereka patuhkan syarat supaya kalau tidak, jangan dibenarkan untuk naik. Jangan sampai di sini, baru kita nak hantar mereka balik. Ini ialah seperti China, India, Bangladesh yang biasa yang ada. Ini adalah cadangan yang telah dibangkitkan dan kita sampaikan untuk pandangan.

Nampak juga masalahnya komunikasi. Tadi MAHB telah berkata, mereka juga memberikan beberapa pegawai yang ada kebolehan untuk bercakap dalam bahasa yang lain dan mereka serahkan perkhidmatan ini kepada Jabatan Imigresen supaya ini tidak berlaku. Akan tetapi, hari ini dengan *smartphone* pun ada *device*. Tadi Yang Berhormat Kota Melaka berkata, pengalaman di China. Silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Saya baru balik dari Beijing, China. Saya tengok mereka dah ada *device* yang memang dia *scan* pasport Malaysia, dia terus bertutur dengan kita dalam bahasa Melayu. Dekat *immigration counter*. *I scan* sahaja pasport Malaysia, dia dah kata okey dalam bahasa Melayu. Dia cakap, “Okey, letakkan ibu jari anda di skrin. Sila tanggalkan...” — Dia bertutur dalam bahasa Malaysia. *So that means*, mungkin kita boleh guna pakai *device* sedemikianlah. Jadi, masalah ini boleh selesai. Kalau dia pelancong dari Arab, dia akan berbahasa dalam Arab dan di mana itu, dia akan bahasa — Macam Korea, hari itu *I* tengok di *Malaysia airports*, di sebelah saya orang Korea, dia langsung tak boleh tutur, langsung tak boleh. Jadi, ada masalah itu. Mungkin kita boleh nak minta peruntukan...

Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat di mana? Di Beijing?

Tuan Khoo Poay Tiong: Beijing. Yes.

Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: So, yang itu Yang Berhormat letak pasport, so dia terus cakap...

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya, ya. Dalam bahasa Malaysia.

Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Maknanya kalau warganegara negara lain, *let says Thailand*. Dia letak, dia akan cakap Thai?

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya. Dia terus. Yes, yes.

Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Oh, dia boleh *detect*.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya. Sebab sebelum kita pergi ke China, kita dah *apply* visa. Jadi, maklumat ini sudah *linked* dengan dia punya imigresen sana. *So*, bila *you scan*, dia dah ada maklumat semua itu. *Then*, dia boleh— Dia dah tahulah *you* dari Malaysia, dia akan tutur dalam bahasa Malaysia. Memang sudah ada. Mungkin kita akan bantu dalam Parlimen, minta bajetlah kan. *[Ketawa]* Kalau nak pakai *device* ini...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Inilah masa untuk tanya untuk bajet.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Yang Berhormat, mungkin saya boleh respons sedikit kepada Tuan Pengerusi tadi yang— Kita akan ambil tindakanlah apa cadangan yang Yang Berhormat tadi terutamanya *engagement* dengan pihak MATTA tadi. *Team* kita akan buat *engagement* selepas ini. Mungkin mereka boleh bagi pandangan sebab mereka ini ada *experiences* di luar kan. Seterusnya kalau melibatkan tiket wang tunjuk, dahulu kita panggil wang tunjuk, tetapi sekarang kita dah tak buat lagi dah. Makna mereka tak perlu tunjuk *cash* dah sekarang ini sebab kita dah faham orang datang, kita tak tanya dah berapa banyak duit bawa sebab semua orang dah ada *credit card*, ada macam *eWallet* dan sebagainya dah cukup. So, itu kita dah— Dari penghujung tahun lepas kita sudah batalkan SOP tersebut yang untuk minta wang tunjuk. *No more*.

Selepas itu, yang melibatkan komunikasi itu, saya juga di peringkat kita di imigresen, kita dah *start* buat *engagement* untuk melatih pegawai kita berbahasa asing, fokus. Sekarang ini kita akan bermula tahun ini, *insya-Allah by end of the year* ini kita dah ada satu *first batch basic* bahasa *of course*, Mandarin, Bengali. Bengali itu adalah dari Bangladesh. Lepas itu Arab, Korea, Jepun yang— Kita tengok berdasarkan jumlah kemasukan yang tinggi tadi, itu prioriti kita. So, kita akan buat secara berterusan supaya pegawai-pegawai di sini paling asasnya faham untuk bersembang dahululah. Kita nak *detail*, terlalu *complicated* itu susah lagi mereka. Dalam masa yang sama, kita ada *Google Translate*, kita juga pakai. Pegawai kita, kita dah *start* pakai *Google Translate* untuk faham bercakap dan kita boleh *translate* secara automatik di kaunter. So, perkara-perkara ini kita dah proses, kita ambil tindakan.

Untuk ALO (*Airline Liaison Officer*) itu penting juga. Semalam untuk makluman Yang Berhormat, kita dah bersetuju di peringkat Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun bersetuju supaya kita akan adakan ALO ini, pegawai imigresen yang berada di negara asing, ditempatkan di situ untuk buat semakan awal sebelum mereka tiba ke Malaysia. Kita akan buat *pilot project* di tiga buah negara. Di Bangladesh, India dan Pakistan. Tiga buah negara dahulu, kita tengok macam mana. Ini sebab masalah NTL ini tidak banyak pada warga China. Warga China ini dikira antara negara yang paling rendah. Kalau tengok statistik tadi— Boleh *back* balik?

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Ke depan lagi. Statistik yang NTL kan? *Next slide*.

Dato' Ruslin bin Jusoh: *Last*. Okey, cuba besarkan. Besarkan slaid. Kalau kita tengok sini sepanjang tahun, kalau kita tengok antara negara yang penumpang paling ramai tiba, antara yang teramai tetapi jumlah NTL dia yang paling rendah kalau kita ikut daripada segi statistik berdasarkan ketibaan. Dengan kata lain, untuk pilot ALO ini kita *start* di negara

lain dulu sebab bagi saya, kita di imigresen ini sebenarnya komunikasi sahaja. Kita *settle* masalah komunikasi, saya rasa perkara ini kita banyak boleh *reduce* terutamanya melibatkan pelancong dari China. Kalau Indonesia, Bangladesh itu memang tinggi sebab kita dapati banyak mereka masuk untuk bekerja. So, kita akan hantar mereka baliklah. Mungkin yang...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Saya tambah sedikit Tuan Pengerusi ya. Kalau kita tengok statistik *for example* China, kalau jumlah kemasukan 694,734 tahun ini berbanding dengan jumlah NTL, daripada angka 700,000 itu, 1,222 sahaja untuk tempoh tujuh bulan. So, kalau kita *by month*, itulah statistik lebih kurang 100 kalau *average*. Seratus kalau kita bahagi satu hari, mungkin dalam tiga oranglah sehari. Jadi, jumlah itu begitu kecillah. Kalau *by percentage*, saya ingat 0.00...

Dato' Ruslin bin Jusoh: *Seven.*

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Berapa *percent*? [*Disampuk*] 0.17 *percent*. Jadi maknanya, memang kecil. Cuma macam KP JIM kata tadilah, salah satu mungkin masalah komunikasi tadilah yang mungkin dihadapi. Jadi, tindakan-tindakan yang kita ambil untuk penambahbaikan itu sedang berlaku sekarang ini. Memang kita dalam proses. Malah kalau tadi Yang Berhormat cadangkan yang *liaison officers* itu, kita nampak *for example*, kalau Australia, dia memang ada *liaison officers* di KLIA yang mana dia akan tengok *rules, check* tiket sama ada orang ini sesuai atau tidak sesuai. Jadi, dia akan tapis di KLIA lagi sebelum dia pergi ke Australia. Jadi, perkara yang sama juga kita akan buat pilot untuk negara yang telah disebutkan tadi. Okey?

Dato' Ruslin bin Jusoh: So, mungkin Yang Berhormat, *last portion* adalah penambahbaikan yang telah kita laksanakan. Mungkin slaid *second last*. Keputusan drastik yang kita buat selepas insiden KLIA ini adalah kita menaikkan gred pegawai, pegawai yang lebih kanan. Kalau gred 41 itu, selama ini 29. Kalau kita tengok dari segi hierarki untuk makluman Yang Berhormat, pegawai imigresen ini yang paling bawah adalah gred KP19, selepas itu ada KP22, selepas itu ada KP26, ada KP28, ada KP32, ada KP38, baru KP41. Bermakna dia ada tujuh *level*. Akan tetapi, kebanyakan yang duduk di kaunter itu antara merupakan KP22, pegawai dan *senior* melepasi 10 tahun. Ada yang 19 pun ada, kita campur supaya yang baharu dan juga yang lama. Akan tetapi yang untuk luluskan, penyelia dia adalah gred 29, KP29. Akan tetapi, yang atas dia adalah KP41.

■1720

So, makna dia *level* ketujuh. Kalau dahulu kita bagi *level* yang keempat tetapi kita naik *level* tujuh, gred 41 untuk luluskan NTL. Dengan erti kata lain, proses *due diligence* itu lebih lagi dengan pegawai yang lebih kanan.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Tambahan sedikit Yang Berhormat. Kalau ikut Akta Imigresen 1959/63, istilah pegawai kanan ditakrifkan bagi pegawai di gred KP29 ke atas. Jadi bermakna sekarang ini sebelum ini NTL diberi kuasa pada gred 29 untuk

menentukan orang ini dia NTL atau tidak. Akan tetapi selepas insiden tersebut, kita telah membuat penambahbaikan kita ambil grad 41 *which is* pengurusan dan profesional, ijazah lah. Kalau 29 ini STPM ataupun diploma.

Jadi kita merasakan dengan adanya pegawai yang lebih kanan bermakna penelitian itu akan lebih. Maknanya kalau pegawai bawahan rujuk kepada pegawai kanan sudah tentu segala maklumat, segala justifikasi yang kukuh untuk kita NTL kan seseorang pelancong tersebut.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Okey, keduanya yang melibatkan kaunter *helpdesk*, ini kita bekerjasama dengan pihak MOTAC, kan Ldzim? Sudah ada dengan Tourism Malaysia. Yes, dengan Tourism Malaysia untuk menempatkan pegawai-pegawai yang boleh berbahasa asing, mereka itu duduk sebelum kaunter imigresen kan? Sebelah, kalau kita masuk itu sebelah kiri, Ldzim ya? Sebelah kiri Yang Berhormat. Kalau sebelum kita sampai ke kaunter imigresen, ia di sebelah kiri. Itu penempatan kita dalam proses di sini untuk kita tempatkan pegawai-pegawai daripada MOTAC sekali dengan kerjasama *team* daripada imigresen.

Terbaru juga adalah tambahan 12 buah kaunter imigresen. Di belakang kita buat satu lagi *layer*, di belakang. Sekarang ini kaunter imigresen satu baris panjang, so kita hendak tambah lagi satu baris di belakang, lagi 12 buah kaunter. Itu juga kita cadangkan, kita akan dapat laksanakan, proses tengah berjalan sekarang ini dan kita dapat pembinaan itu, kita ambil masa dalam dua, tiga bulan, mungkin *by end of the year* kita boleh ada *new counter*. Ada 12 buah kaunter untuk mengurangkan lagi kesesakan dan juga menambah *manpower* yang ada di situ lah.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Tambahan sedikit Yang Berhormat. Bila kita kata tambahan kaunter imigresen, formulanya begini. Apabila kita tambah sebuah kaunter, kita kena tambah empat *manpower* sebab kita kena ingat dia ada syif. Jadi oleh sebab itu, kadang-kadang mungkin kita tengok bilangan pegawai di KLIA kalau tidak silap saya lebih kurang 1,600 orang.

Umpama 1,600 tetapi kita kena lihat kita ada KLIA 1 dan KLIA 2. Secara mudah kalau kita bahagi dua, 800 dan 800. Daripada 800 itu kita kena bahagi kepada empat kumpulan. So, tinggal 200 pada setiap satu masa. Jadi itu kadang-kadang kita nampak, kalau kita tengok *based on* angka mungkin kita kata "Oh, ramai KLIA ini, 1,600 orang." Akan tetapi apabila kita bahagi *airport*, bahagi syif, itulah jumlah yang ada. Dengan jumlah itulah yang hendak jaga kaunternya, yang hendak berkhidmat di *office*.

Di samping kaunter, kita ada juga *team* penguat kuasa yang akan meronda sekitar KLIA untuk buat *spot check* dan sebagainya sebab ada insiden di mana penumpang yang turun di *airport*, dia tidak terus ke kaunter. Dia merayau dalam kawasan *shopping complex* dan sebagainya. Ada yang dia tunggu masa mana sesuai hendak masuk. Perkara-perkara ini

yang menyebabkan anggota *enforcement* kita di *airport* kadang-kadang dia kena buat tinjauan juga sekitar *airport*.

Berdasarkan insiden-insiden yang pernah berlaku sebelum ini, malah ada insiden dahulu dia menyamar jadi *cleaner* pun ada. Jadi, ini yang kita kena berhati-hati sebab kita hendak pastikan orang yang masuk itu adalah *genuine*, pelancong, pengembara dan sebagainya, bukan orang yang berselindung di sebaliknya dia kata mungkin hendak datang sebagai pelancong, akhirnya dia datang sebagai pekerja. Oleh sebab kalau hendak bekerja kita ada proses dia untuk mendapat pas lawatan pekerja sementara.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita hendak letak *signage* sebelum ketibaan di kaunter imigresen tersebut yang menggunakan *e-board*. Ini dengan kerjasama pihak Malaysia Airports Berhad. Antara *signage* itu adalah kita beritahu mereka apa dokumen mereka perlu ada, untuk perlu tunjuk kepada kita pada masa dia hendak berhadapan dengan pegawai imigresen dan prosedur-prosedur asas untuk kemasukan ke negara kita. So, kita akan buat yang dalam bentuk *signage* ini, walaupun selama ini *e-board* ini sudah ada tetapi detil itu belum kita ada sepenuhnya. Jadi, ini salah satu juga, dalam proses. Di *airport* kita sudah dalam proses dengan...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Sudah, sudah.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Ada, sudah siap dah. Sudah ada siap oleh pihak MAHB. Dalam masa yang sama juga, ada isu di mana kita tidak boleh beroperasi sepenuhnya dengan kaunter sebanyak 44 buah kaunter tadi. So, pengambilan kadet yang terbaru juga tengah berlangsung sekarang di mana kadet baharu tengah buat latihan di Port Dickson dan akan tamat pada awal September nanti. Kita juga buat *deployment* di situ untuk memperkemaskan urusan operasi kita di pintu masuk tadi.

Seterusnya, ini juga penting adalah kerana jabatan imigresen ini adalah jabatan yang berisiko tinggi. Dalam kategori risiko tinggi, jadi arahan kerajaan jelas supaya pusingan kerja kita buat. Dengan erti kata lain, kita tidak boleh menempatkan orang itu terlalu lama dalam sesebuah tempat itu. Ini disebabkan apabila terlalu lama tendensi dia ke arah untuk salah guna kuasa dan melakukan pelanggaran integriti itu boleh berlaku.

Dengan erti kata lain, di peringkat imigresen ini, di KLIA dan juga di tempat-tempat lain, kita buat secara bersekali setiap tahun, di mana minimum sekarang ini apabila seseorang itu sudah mencecah lima tahun, dia mesti ditukarkan ke negeri lain atau bahagian lain atau pejabat lain. Sama juga dengan KLIA tetapi di KLIA ini, saya sudah buat penetapan selepas kita selesaikan lima tahun ini, kita akan turun lagi ke tiga tahun supaya saya hendak dia bagi maksimum tiga tahun sahaja duduk di situ. Sekarang ini hendak habiskan yang lima tahun ke atas dahulu selepas sudah habis yang itu, kita *start* dengan tiga tahun.

Bagi saya untuk duduk pintu masuk tiga tahun sudah memadai untuk mengelakkan – pusingan kerja ini penting juga dan dalam masa yang sama untuk *career development*. Dia

takkanlah sepanjang masa duduk di pintu masuk. Mungkin dia perlu bekerja di pejabat-pejabat lain yang lebih sesuai untuk mereka ini *explore* bidang-bidang berbeza dalam imigresen.

Ini yang rekod tadilah. Kalau kita tengok jumlah NTL itu, kalau tengok Indonesia, Bangladesh, Pakistan, India, itu kira yang jumlah yang teramai termasuk Myanmar, Sri Lanka. Akan tetapi kalau kita tengok daripada jumlah kemasukan juga, negara-negara seperti Bangladesh dan Indonesia amat besarlah itu sebab jumlahnya terlalu tinggi. Itu sahaja Yang Berhormat untuk makluman. Saya ucapkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato'. Saya ada beberapa soalan. Antaranya ialah muka surat 15 tentang ICAO. Ini adalah satu fahaman kan, bukan undang-undang? Kalau syarikat penerbangan tidak mengikut artikel ini, apa yang boleh dibuat kepada mereka kalau mereka melanggar ICAO atau perlu kah kita mengadakan pindaan di dalam Akta Imigresen bahawa mereka juga perlu untuk mengikut ICAO?

Ini kerana Artikel 5.6 itu jelas tentang tanggungjawab syarikat penerbangan untuk menanggung kos untuk menghantar mereka balik tetapi apa yang kita tahu mereka melantik Mono Circle dan Mono Circle yang akan caj penumpang itu. Maknanya syarikat penerbangan telah lepas tanggungjawab mereka. Kalau tidak, kos itu di atas mereka, mereka akan lebih *diligent*, rajin untuk memastikan mereka yang tidak layak jangan diberikan *boarding pass*.

Dato' Ruslin bin Jusoh: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Daripada *origin*.

Tuan Pengerusi: *Origin*, ya.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Oleh sebab itu menjadi tanggungjawab *airline company* ini, untuk mengelakkan dia terpaksa bawa balik, *that's why* sebelum *depart* itu penting, bermakna dia sudah cek. Macam kita selalulah, kita bagi pasport, kita bagi tiket. *So*, dia sudah *check* ada visa, kan? Jadi, kalau di situ dia sudah cek bermakna kalau dia tidak memenuhi syarat visa dan sebagainya, bermakna di situ dia sudah boleh *refuse* untuk dia terbang. *Boarding pass* tidak akan dikeluarkan.

Akan tetapi *once* dia sudah *release boarding pass*, dia bertanggungjawab sebab dia sudah *accept* orang itu datang. Jadi kalau dia sampai sini, kita dapati mungkin visanya tidak teratur ataupun dia punya *boarding pass*, tiket balik tidak ada kita terpaksa *refuse* dia *Not-To-Land*, jadi tanggungjawab dia untuk serahkan.

■1730

Oleh sebab itu, kalau kita lihat dalam Akta Imigresen sendiri seksyen 24 ini dia kata menjadi tanggungjawab syarikat penerbangan *airlines* untuk membawa pulang. Cuma, kita faham kalau dalam situasi di KLIA ini dia ada berapa? 20 berapa syarikat penerbangan? 26? 26. Jadi, mungkinlah. Mungkin kalau 26 syarikat hendak buat *holding lounge* untuk berasingan itu dia jadi banyak dan sebagainya. Jadi, mungkin disebabkan itu lah saya rasa dia

menggunakan *airlines* AOC, *airlines* operator ini untuk supaya diselaraskan sebagai setempat.

Kalau tidak mungkin kalau ada 26, 26 *holding area* kena buat itu. Jadi...

Tuan Pengerusi: Itu mereka boleh melakukan tetapi akhirnya kos...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Tanggungjawab itu pada...

Tuan Pengerusi: Tanggungjawab dan kos ialah mereka.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Pada *airlines*.

Tuan Pengerusi: Kepada *airlines*.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Ini menjadi persepsi bahawa kita ada amalan rasuah. Ini kerana yang minta untuk beli tiket, orang lain. Bukan pegawai daripada syarikat penerbangan. So, dalam persepsi mereka ini adalah yang satu kesan negatif kepada kita.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Setuju Yang Berhormat. Oleh sebab, bila Mono Circle *of course* bila urusan pertama dibuat oleh imigresen untuk NTL. So, bila pegawai kita *let say* iring ke sana dan mungkin dia maklumkan you kena bayarlah. Oleh sebab, duit makan kata dia minta duit makan berapa? RM50 sehari. *And then*, mungkin kalau tidak ada tiket Mono Circle kita kena bayar. Sebagai pelancong yang dia datang, dia tidak kenal Mono Circle. Dia kata ini semua imigresen ini. Jadi, persepsi dia imigresen minta duit. Imigresen rasuah. Ini yang berlaku ini sekarang ini. Oleh sebab, dia nampak macam seolah Mono Circle itu adalah imigresen dan mereka minta duit. Minta duit bagi yang tidak faham bahasa sangat minta RM3,000 hendak beli tiket dia kata imigresen minta RM3,000. Ini yang mungkin berlaku.

Tuan Pengerusi: Dato', ini ejen-ejen yang minta?

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Di tempat yang Mono Circle sediakan itu saya pun dah pernah masuk. Memang dia ada bilik yang untuk *family*. Ada. Dipisahkan antara lelaki dan wanita. Dia tidak ada campur. *Holding area* dia berbeza. Memang diasingkan. Bukan dia kata *you* duduk sekali lelaki, wanita. Tidak ada. Memang diasingkan di KLIA.

Tuan Pengerusi: Daripada pengalaman berapa lama mereka di dalam *holding area* untuk tunggu dihantar balik? Satu hari atau lebih? Dua tiga hari? Adakah kemungkinan. Ini kerana saya tengok tadi gambar bukan ada tempat tidur kalau kena bermalam.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Saya ingat Yang Berhormat, *sorry*. Gambar yang dipaparkan tadi bukan di *holding area*. Itu gambar pekerja asing yang baru sampai. Yakni yang mana dia hendak *clear*-kan dia punya PLKS. Jadi, mungkin gambar tadi kurang tepatlah untuk letak dekat sini. Sepatutnya, mungkin gambar *holding area* Mono Circle yang kita tayangkan di sini.

Tuan Nooruladzim bin Ateman [Timbalan Pengarah Imigresen (Kawalan) KLIA, Jabatan Imigresen Malaysia]: Yang Berhormat, kebiasaannya sebelum dihantar pulang ini di Mono Circle dalam tempoh 48 jam, dua hari.

Tuan Pengerusi: Dua hari?

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Yes.

Tuan Pengerusi: Mengapa lama ya?

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Ya, sepatutnya *airlines* perlu segerakan penghantaran pulang tetapi kebanyakan kes saya lihat biasanya dalam 24 hingga 48 jam baru mereka dihantar pulang.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab itu, dengan caj yang ada itu lebih tinggi sudah mahal lah kepada mereka.

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Yes.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Ada kemungkinan, ya memang kalau tanggungjawab dia, dia kena bawa balik penerbangan yang sama ataupun selepas itu. Akan tetapi, kita faham kadang-kadang jadual penerbangan ini dia berbeza. Tidak semua *airlines* hari ini ada, besok ada. *Sometimes* dia ada jadual itu berbeza kan. Mungkin hari ini ada, besok tidak ada. Lusa pula baru ada. Jadi, mungkin bergantung pada jadual penerbangan. Akan tetapi, tanggungjawab sesegera yang mungkin. Sepatutnya *the next available flight* dia kena hantar.

Tuan Pengerusi: Ada komen, pandangan?

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli]: Agak *curious* sikit lah *because* apa itu? Syarikat apa? Mono Circle itu *has been awarded in 2015*. Insiden berlaku 2023. Adakah dalam masa tempoh lapan tahun dalam kontrak itu tidak ada berlaku perkara-perkara yang macam ini? Oleh sebab, tidak di-*highlight*-kan? Akan tetapi, agaknya mungkin berlaku juga *because of* tengok dia punya masalah banyakk komunikasi, SOP tidak jelas. Saya rasa berlaku dahulu tetapi tidak di-*highlight*-kan. Okey, *only because of that* insiden baru kita buka mata semua.

So, untuk supaya tidak melibatkan nama baik negara lah. So, saya rasa patut lah pihak ketiga ini tidak perlu ada dalam proses ini. Supaya ialah manusia kan hendak ambil kesempatan.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Yang Berhormat, itulah kita hendak percepatkan proses SOP ini. Oleh sebab, Kabinet dah buat keputusan mungkin Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun hendak kena *report back* pada Kabinet. So, itulah *timeline* yang kita bagi itu bulan depan kita dah ada *new SOP* dan juga kita terus *execute* dengan apa sahaja keputusan yang dibawa ke peringkat dasar dan dipihak kementerian.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, tambahan sedikitlah. Sebenarnya ialah mungkin bila berlakunya insiden ini kita tengok dengan lebih detail.

Akan tetapi, isu ini memang berlaku sebelum ini tetapi kita cuba selesaikan. Misalnya, contoh tadi isu wang tunjuk. Kalau dahulu memang SOP imigresen dia kena tunjuk. Mungkin dia ada pengiraan dia. Tidak silap saya antara RM1,000 hingga RM2,000 bergantung pada berapa lama dia berada di Malaysia. Akan tetapi, kita tahu zaman dah berubah. Sekarang ini orang dah pakai *credit card*, pakai *eWallet that's why* kita dah mansuhkan dari segi wang tunjuk tersebut. Oleh sebab, wang tunjuk ini pun menyebabkan salah faham. Bila kata *you* kena tunjuk *you* ada duit, tidak ada duit. Ini pun dia nampak, ini hendak minta rasuah kah tanya duit ini. Jadi, *that's why* kita mansuhkan.

Jadi, penambahbaikan itu saya rasa berlaku dari masa ke semasa. Cuma, mungkin apa yang berlaku ini bila mana kita nampak syarikat Mono Circle bila dia wujud situ boleh menimbulkan lebih banyak masalah. Jadi, mungkin— *that's why* Kabinet pun membuat keputusan supaya tidak perlu lagi pihak ketiga, diuruskan oleh syarikat penerbangan. Jadi, ini yang sepatutnya yang berlaku.

Tuan Zahari bin Kechik: Saya nampak masalah ini *you know* kemungkinan berpunca daripada bila gabungan syarikat penerbangan itu AOC itu yang bergabung itu bagi kepada Mono Circle itu dan kita dipihak kerajaan tidak memantau daripada awal lagi.

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Dengan izin Dato'. Yang Berhormat, pagi tadi kami telah adakan perbincangan berkenaan dengan SOP ini. Antara perbincangan yang telah kami bincangkan tadi berkenaan dengan syarikat Mono Circle ini kita buat *benchmarking* dengan negara-negara luar. Salah satunya, Singapura.

Singapura melaksanakan kaedah NTL ini diuruskan oleh *third party* bukannya *airlines* tetapi dengan kaedah *governance* kepada syarikat itu diletakkan di bawah MOT ataupun MAVCOM. Seolah-olah, mereka ini *ground handler* seperti AeroDarat, Post Aviation. Syarikat ini perlu di-*governs*. Maknanya, perlu kalau perlukan bayaran dan sebagainya perlulah di caj kepada *airlines*. Bukannya minta kepada pelawat ataupun inilah. Mungkin kalau boleh dilihat ke arah itulah. Daripada segi *governance* dan *regulation*-nya diletakkan di bawah MAVCOM ataupun CAAM sebagai *ground handler*.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi saya perkara ini perlu dilihat bersama. Oleh sebab, dia ada *a few ministries* terlibat, *a few agencies* terlibat. Misalnya, KDN terlibat, JIM terlibat, Kementerian Pengangkutan terlibat, MAHB terlibat. Oleh sebab, imigresen urusan imigresen. Akan tetapi, kalau *airport* di bawah MAHB. MAHB di bawah MOT. Jadi, perlu ada *engagement* bersama yang mana telah pun kita mulakan bersama Kementerian Pengangkutan, MAHB dan sebagainya. Dilibatkan dalam siri-siri perbincangan, *engagement* ini supaya kita hendak lihat dalam menentukan SOP nanti ini bidang kuasa siapa. Siapa yang akan menentukan. Siapa mengawal selia.

Jadi, kalau semua pihak ini memainkan peranan benda ini *insya-Allah* akan berjalan dengan baik nanti. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong: Dato', saya lihat pembentangan memang bagus. Pembentangan anda memang bagus Dato'. So, yang prosedur kemasukan ke dalam negara sudah ada satu, dua, tiga, empat dan lima. Kalau tidak boleh dilarang masuk pun semua jelas di sini.

■1740

Akan tetapi, saya lihat sini ada rahsia. *Is it* memang tak boleh tunjuk kepada orang luar atau tidak? Kalau dia bukan rahsia saya punya cadangan ialah kita letak dalam laman web rasmi imigresen supaya tak— *I mean...*

Dato' Ruslin bin Jusoh: Yang Berhormat, kita *classified* rahsia ini adalah kerana untuk *committee* ini sahaja selepas itu yang lain-lain itu nanti kita akan— saya setuju dengan Yang Berhormat tadi yang proses-proses kemasukan itu kita boleh uar-uarkan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ini boleh uar-uarkan supaya mereka pelancong mereka pun tahu apa harus mereka buat.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Saya ingat untuk tujuan pembentangan sebab dalam ini ada insiden 28, 29 hari bulan hari itu. *That's why* kita masukkan rahsia. Kalau tidak rahsia, kalau tidak ini nanti tersebar habis semua orang nampak bila menteri sampai apa semua kan. Jadi, untuk tujuan perbincangan hari ini tetapi daripada segi maklumat, syarat-syarat kemasukan NTL ini dia sebenar ada dalam akta. Bermakna bila ada dalam akta, sesiapa sahaja boleh merujuk akta.

Dalam masa yang sama— pengesan imigresen. Saya rasa dalam *website* imigresen ada kan syarat-syarat kemasukan ini memang kita *publish* dalam *website* imigresen memang sudah ada. Cuma *of course*-lah kita faham dalam *website* kadang bukan semua benda orang akan bacakan. Jadi, saranan Yang Berhormat tadi mungkin kita boleh uar-uarkan kepada— melalui *travel agent* tadi, MATTA *even* dekat kedutaan pun saya rasa kita pernah bagi pada kedutaan Malaysia di *oversea* tentang syarat-syarat kemasukan ini.

Bila mereka hendak mohon visa, bermakna dia tahu bila dia sampai nanti apa yang dia perlu ada dokumen-dokumen tertentu. Jadi, saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat atas cadangan tersebut dan kita semak balik *website* kita. Kalau— saya rasa sudah ada kalau tak ada *then* kita masukkan. Sudah adakan? *[Disampuk]* Adakan yang ini yang *simple*? *[Disampuk]* Kita boleh tambah baik supaya mereka faham.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Dalam melalui sosial media ini bagus sebab kalau dalam agensi JIM mempunyai berjuta *follower* ya, *1.2 million follower*. So, mungkin apa yang Yang Berhormat itu kita boleh letak di situ mungkin kita boleh *educate public* lagilah. *Thank you* Yang Berhormat. Itu satu cadangan baik.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Satu cadangan, tak sekian masuklah. *Word* 'rahsia' itu nanti orang salah faham pulakan jadi saya minta JIM akan buat satu dan kita boleh edarkan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Kita ada SOP. So, SOP itu *transparent* dengan jelas supaya mereka untuk pengusaha pelancongan mereka juga tahu dia boleh beritahu kepada dia punya pelanggan daripada luar negara apa yang mereka perlu perhatikan sebelum masuk ke Malaysia. So sebab satu lagi Dato' kenapa sudah beritahu Yang Berhormat Dato' Seri Tiong bahawa Dato' akan selesaikan untuk dia kenapa dia masih lagi hendak kejar ke *airport*.
[Ketawa]

Dato' Ruslin bin Jusoh: Itu soalan yang ramai yang hendak tahu di kalangan orang *even* menteri pun bertanya saya lain. Kenapa, sebab Dato' kata kita akan *facilitate*, bantu semak berdasarkan peruntukan. Boleh sebenarnya tapi dia tak berapa puas hati dengan pegawai imigresen dua orang yang NTL itu. Dia tak puas hati itu, sebab dia pergi dia terus cari dua orang pegawai itukan. Bukan dia tak berpuas hati pada saya dengan imigresen tapi tak berpuas hati pada dua orang pegawai itu kenapa NTL-kan dia. Sedangkan dia kata budak ini semua ada, wanita ini semua ada.

Sebab itulah saya tengok di situ lebih kepada komunikasi punya isu, Yang Berhormat. Itu sahaja tetapi yang menyebabkan benda itu pecah, ada seseorang ambil gambar semasa Yang Berhormat Dato' Seri Tiong yang keluar pada *first day* itu, ada. Kita tak tahu sampai sekarang sebab Yang Berhormat Dato' Seri Tiong kata budak pegawai imigresen yang—tapi kita sudah semak pegawai imigresen, daripada *angle* itu bukan pegawai imigresen ada tapi ramai lagi *airport* punya sekuriti dan sebagainya ada di situ.

Jadi, kita sekarang ini saya tak nak kata hendak buat *blame game* di mana-mana, so kita tidak tahu tapi saya buat semakan pegawai saya di pada masa itu pegawai saya tidak ada *angle* semasa kejadian itu. *Angle* gambar itu tetapi selepas itu baru dia—bila ada gambar itu menyebabkan Yang Berhormat Dato' Seri Tiong terus hari pertama, hari kedua itu dia terus mengeluarkan isu-isu rasuah dan sebagainya. Kata pegawai kita ambil duit dan sebagainya, itu yang kejadian itu makin bertambah melarat lagilah.

Akan tetapi, realitinya kita sudah hendak bantu tetapi dia pergi kerana dia tidak berpuas hati kepada dua pegawai tadi. Itu dia hendak bercakap sendiri dengan pegawai itu. Saya tak tahulah bercakap kah macam mana Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kita tahu cara dia cakap.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Khoo Poay Tiong: Akan tetapi, sebab pegawai masa itu hendak buat keputusan NTL *is because* tak ada *air ticket*-lah yang menunjukkan yang *return ticket*. Tapi sebenarnya adalah kan? Sebenarnya ada.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Dia kata ada dan saya kemudian saya ditegur oleh KSU untuk pergi jumpa, KSU Datuk Haji Ruji pergi jumpa minta tunjuk tiket itu dalam telefon lah ada tiket. Sebab isu dia kata dulu ada itu pun dalam telefon tetapi komunikasi punya isu...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Mungkin, mungkin dia tak fahamkan bila pertanyaan itu. Benda itu mungkin ada dalam *phone* tetapi dia pun tak tau apa *you* tanya dia pun tak boleh hendak tunjuk dekat *phone*.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya, ya.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: So, akhirnya pegawai ambil tindakan untuk NTL.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Dan ada lagi mungkin dia hendak ikut bos dia, dia kata hendak bekerja. Sebab ada kes Yang Berhormat saya hendak berkongsi di sini. Ada pelabur daripada China pernah datang. Dirujuk kepada saya sebab dia datang hendak bekerja. Sebenarnya dia datang hendak buat *meeting* untuk buat *meeting* untuk *joint venture* projek. *Of course*, dia datang untuk bekerja tetapi dia sebut hendak bekerja menyebabkan pegawai kita terus NTL dan dihubungi dengan saya. Bila kita *check* dia datang ada *partner* di sini menunggu untuk buat *discussion*, *meeting* dan sebagainya.

So saya lepaskan, saya bagi dia masuk. Kalaulah setiap kali kes perlu dirujuk kepada saya, matilah KP. Bahasa yang lebih mudah. [Ketawa] So, itulah SOP baru ini kita tambah baik untuk proses NTL ini bila kalau kita tengok sudah Pegawai Gred 41 itu sudah cukup senior untuk buat keputusan dia *check* balik, berjumpa dengan pelawat tersebut *what is your purpose of visit*. Oh, baru tahu rupanya ada *team* dekat luar hendak buat *business join venture* dan sebagainya. Kalau sekarang, dia kalau di kaunter itu yang masalahnya yang berlaku.

Tuan Khoo Poay Tiong: Dato', saya lihat apa nama tentang *miscommunication*. Mungkin dari tadi Dato' kata hendak latih pegawai untuk mereka fasih dalam bahasa, *I think* itu satu kesusahan untuk pegawai hendak *pickup*. Dia hendak belajar *Chinese*, hendak belajar Arab nanti, banyak bahasa yang dia hendak belajar. *I* rasa itu memang susah bagi mereka. Jadi, mungkin ada lebih baik kita guna teknologilah yang saya sebut itu. Bila pegawai kata cakap dalam bahasa Malaysia, dia akan terus *translate* dalam bahasa mereka. Itu lebih mudah dan kalau tidak, *it's unfair to the officer because* macam mana dia hendak ingat banyak bahasakan.

Sekarang, memandangkan MOTAC dia ada pegawai, dia ada staf yang boleh buat *translation*, mungkin buat sementara ini kita guna mereka dululah yang dia selalu ada *ribbon* dekat sini dia cakap saya '*Ask me*' itu, *I think* pakai mereka dululah. Itu lebih baik.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Untuk *long term* Yang Berhormat saya pelan sebab ini salah satu daripada *language* punya itu di kalangan penjawat awam itu salah satu daripada nilai tambah ya. Kita bagi, kita *offer* pada mereka yang betul-betul itulah maksud saya. Yang tak berminat itu kita tak perlulah *offer*. Akan tetapi, *at the same time* kita akan *explore* teknologi

yang Yang Berhormat cakap tadi dalam masa yang sama yang pegawai yang ada 'Ask me' pun sekarang sudah bantu kita. Sudah banyak bantu kita dan teknologi pun *insya-Allah* kita akan berbincang balik dengan KDN apa cadangan Yang Berhormat tadi. Kita tengok dia cakap Mandarin, automatik kita boleh faham dalam bahasa kita. Bahasa kita dia timbal baliklah kan. So, itu kita kena *explore* jugalah teknologi itu. Kita akan susulilah di kaunter.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Susuli di kaunter Yang Berhormat di kaunter.

Tuan Khoo Poay Tiong: Dato', hendak tanya tentang Mono Circle ini. Jadi, Mono Circle yang kita faham *actually* dia punya kontrak sudah tamat sebelum inilah kan tetapi mereka masih dibenarkan untuk beroperasi. Jadi bagaimana selepas ini, apakah tindakan yang akan kita ambil? Kalau kita merujuk kepada insiden yang berlaku Yang Berhormat Dato' Seri Tiong itu, kalau mengikut Yang Berhormat Dato' Seri Tiong punya percakapan dia kata ada orang yang minta penumpang itu lebih kurang RM18,000. Beli tiket RM3,000 untuk balik selepas itu beli tiket lagi datang RM3,000 selepas itu RM12,000 untuk memastikan dia boleh masuk ke Malaysia.

So itulah *statement* daripada Yang Berhormat Dato' Seri Tiong lah. Dia kata RM18,000. Jadi hal-hal sedemikian, bagaimana kita hendak memastikan dia tidak akan berlaku lagi dan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Keselamatan tadi kata mungkin susah untuk syarikat penerbangan. Masing-masing untuk *appoint* dia buat sendiri nanti *you* perlu banyak ruang.

■1750

Jadi, saya boleh *foresee* ialah mungkin selepas ini kita akan tamat dengan Mono Circle Sdn. Bhd. dan mungkin akan *engage another company*. Saya tidak tahu, mungkin *in future*, kan? Oleh sebab kalau setiap individual mungkin susah hendak *operate*, mungkin akan – Jadi, bagaimana kita hendak memastikan perkara sedemikian tidak berulang lagi? Oleh sebab kita lihat di Singapore dan di negara lain mereka juga *engage* satu *company* untuk uruskan ini semua tetapi masalah ini tidak berlaku. Sebenarnya masalah yang dibangkitkan oleh Dato' Seri Tiong ini sebenarnya berlaku, sebelum itu pun ada berlaku.

Saya pun ada terima aduan. Dia merupakan *engineer* dari China, dia *senior engineer*. Dia datang ke sini untuk melabur di sini, ada *joint venture* di sini. Di *counter* sebab di sana semua *cashless* tidak pakai wang tunai, so dia minta balik, terus dia minta balik. Jadi, kita hendak *avoid* benda-benda macam ini.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, itu yang kita sudah *revise* daripada segi SOP yang minta 'wang tunjuk' itu, insiden-insiden macam inilah yang menyebabkan orang punya *perception* itu. Jadi, kita sudah mansuhkan 'wang tunjuk' tidak perlu lagi. Cuma isu yang tadi, betullah bila kita tamatkan Mono Circle, apa yang akan terjadi? Ini yang kita kena tengok supaya *soft landing* dan jadi *engagement* yang JIM buat

dengan AOC, MAHB, KDN dan juga Kementerian Pengangkutan ini, kita hendak tengok cara mana kita hendak selesaikan isu ini.

Tanggungjawab adalah pada *airline* tetapi macam mana *airline* hendak menguruskan selepas ini bila mana Mono Circle di *terminate*, ditamatkan. Jadi, yang ini – mungkin kalau boleh TPI KLIA, *based on discussion* mungkin boleh *update* sedikit?

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Terima kasih Dato'. *Based on discussion* yang telah dibuat pagi tadi. Pertamanya, kita akan – hari ini, sekarang inilah sedang berlangsung, kita bangunkan SOP dan senario-senario sekiranya berlaku seperti sekiranya *passenger* sakit, sekarang ini Mono Circle, sekiranya *passenger* sakit ia ada *sickbay*. Kemudian, jika dia berkeluarga dia akan ditempatkan dalam suatu kawasan yang mesra keluarga.

Sekarang ini sedang berlangsunglah kita laksanakan SOP-SOP ini supaya walaupun Mono Circle tidak akan ada lagi tetapi syarikat penerbangan boleh melaksanakan tanggungjawabnya mengikut SOP yang kita tetapkan.

Cuma walaupun Mono Circle ini kontraknya dengan AOC telah tamat pada bulan Februari. Namun demikian, terdapat 22 buah syarikat penerbangan yang mempunyai *direct contract* dengan Mono Circle, maknanya di luar daripada kontrak AOC. Jadi, apabila berlaku keadaan ini, di peringkat pihak imigresen kita hanya mengiktiraf syarikat penerbangan. Walaupun syarikat penerbangan itu meletakkan syarikat-syarikat lain sebagai wakilnya, kita masih *address* ia sebagai *airlines* dan kita tidak akan *address* ia sebagai ejen ataupun sebagainya.

Daripada segi komunikasi, sekiranya wakil *airlines* ini tadi menghubungi *passenger*, kita akan minta *address* kan diri dia sebagai syarikat penerbangan dan bukannya sebagai Mono Circle ataupun imigresen. Sepatutnya hubungan-hubungan *communication* dengan orang luar ataupun dengan *passenger* itu dia bagi pihak *airlines*. Itu buat masa pagitadilah.

Kita dalam perbincangan juga, kita telah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri juga bersetuju sekiranya ada cadangan untuk pelantikan syarikat ini dibuat dengan kaedah yang lebih teratur. Dengan penuh tata kelolanya iaitu dengan pelantikan syarikat ini perlulah atau sama ada dengan tender dan sebagainya perlu ada *governance* yang *govern* syarikat ini dan kemungkinan untuk melantik syarikat yang baharu ataupun *ground handler* yang baharu ini mungkin akan dalam tiga hingga enam bulan mengikut MAHB ini. Cuma kita belum mendapatkan kata putus daripada MAVCOM ataupun CAAM tadi. Itu sahaja Dato'.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, dalam isu insiden itu kita boleh lihat selepas kita dengar penjelasan daripada pelbagai pihak. Nampaknya Mono Circle ini yang kita rasa mereka barangkali ialah pihak yang seharusnya bertanggungjawab terhadap insiden ini iaitu "*anjing hitam yang curi makan, anjing putih yang disalahkan*". Dalam pepatah Cina kita selalu kata begitu, kan? Jadi, yang disalahkan itu imigresen. Ramai yang apabila insiden ini *happened* mereka akan salahkan imigresen. KP keluar pernyataan mungkin *miscommunication*, orang

pun tidak akan percaya, mereka kata “*Tak mungkin, KP mungkin memihak kepada pegawai dia.*” Akan tetapi kalau kita dengar semua penjelasan nampaknya Mono Circle yang perlu disyaki dan bertanggungjawab.

Barangkali biar PDRM dan SPRM yang pergi siasat tetapi bagaimana kita hendak menghentikan apa yang mereka lakukan ini supaya kita hendak *protect* nama baik imigresen sebab ini menjejaskan semangat pegawai imigresen. Kalau bukan pegawai imigresen yang buat, lain pihak, barangkali Mono Circle atau yang lain mengambil kesempatan. *So, future*, di masa akan datang bagaimana kita hendak itu – *maybe its transparent*. Tadi kita ada tanya Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), mereka kata di *holding lounge* mereka ada letak papan tanda berapa mereka *charge* semua tetapi nampaknya mereka masih lagi mengambil kesempatan.

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Yang Berhormat dan sepatutnya apabila kita buat pelantikan syarikat yang baharu ataupun *ground handler* yang baharu untuk menguruskan perkara ini, *charge* itu sepatutnya tidak ada lagi dan sepatutnya ia ditanggung oleh syarikat penerbangan sebagaimana termaktub di dalam Akta Imigresen tadi di bawah seksyen 24(5). Maknanya pengembara yang dikenakan NTL ini sepatutnya diberikan penginapan, makanan dan juga tiket secara percuma sebagaimana yang termaktub dalam seksyen 24(5) ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Dalam itu memang tertulis percuma (*free*).

Tuan Pengerusi: *ICAO convention* lah.

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Tiada kos kepada warga asing tadilah.

Tuan Khoo Poay Tiong: Boleh saya minta statistik yang mereka *Not-To-Land* itu ada dua sebab. Pertama, mungkin dokumen mereka tidak lengkap, *that is why* perlu di hantar balik dan satu lagi dokumen lengkap tetapi mungkin *suspicious*, tidak boleh masuk. Kamu ada statistik tersebut? Dokumen kalau *suspicious* itu? *[Disampuk]* Boleh, nanti boleh? Berbanding dengan negara-negara luar, negara lain, adakah *Not-To-Land* di Malaysia itu tinggi atau tidak kalau berbanding negara-negara lain? Kamu ada statistik tersebut?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khoo Poay Tiong: Ya, ya, ya. Ini penting untuk kita beritahu kepada orang ramai bahawa bukannya imigresen sengaja tidak mahu orang masuk atau hendak ambil kesempatan kah, *I think that one is important*, kita boleh *show figure*. Ada yang *complain*, dia kata apabila mereka *Not-To-Land*, *handphone* mereka akan disimpan oleh pegawai sebelum itu. *So*, adakah SOP ini boleh dikaji semula? Ataupun kerana faktor keselamatan *that's why you hold* dia punya *handphone*?

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Betul Yang Berhormat. Buat masa ini memang telefon tadi dipegang oleh sama ada imigresen, apabila dihantar ke Mono Circle memang diletakan di kaunter.

Tuan Khoo Poay Tiong: *Means* Mono Circle yang simpan *handphone* mereka?

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Pada awalnya sebelum dikenakan NTL, *handphone* tersebut – pegawai imigresen, setelah diserahkan kepada *holding area* tadi, di *holding lounge* oleh syarikat Mono Circle. Telefon tersebut diletakkan di kaunter di Mono Circle. Sebenarnya mereka boleh gunakan *handphone* itu apabila mereka memerlukan cuma tidak dipegang sepanjang masa oleh *passenger*.

■1800

Ini antara dasar keselamatan. Sekiranya apabila berlaku ramai ataupun kita difahamkan sebelum ini adalah terdapat yang mengambil gambar dan sebagainya untuk *viral*-kan apabila *holding area* itu penuh sampai lebih 100 orang dan ada risiko-risiko bila dah ramai ini, ada risiko untuk rusuhan dan sebagainya. *That is why* telefon itu diletakkan di kaunter tetapi tidak dihalang untuk mereka menggunakan apabila mereka memerlukan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Selepas insiden tersebut, kita lihat ramai yang ada pengalaman yang tak bagus ini dari negeri China itu, mereka ada uar-uarkan dalam *social media* dan pengalaman mereka apabila mereka kongsi, dia kata apabila mereka ditahan, ada pihak-pihak tertentu boleh menghubungi saudara mara ataupun majikan mereka. Jadi mungkin oleh kerana *handphone* itu disimpan oleh Mono Circle lah. *That is why* mereka boleh cari dia punya rekodlah.

Tuan Nooruladzim bin Ateman: Cuma untuk akses *handphone* itu masih perlukan kehadiran *passenger* tersebutlah sebab di setiap *handphone* itu ada sekuriti ataupun *password* yang perlu dimasukkan. Sekiranya pihak Mono Circle ingin menghubungi saudara ataupun majikan, sebenarnya akan *consent* daripada pelawat ataupun daripada warganegara China tersebut juga diminta lah sebenarnya sebab kita pun tak tahu cari mana satu saudara dia kan. So, memang sebenarnya *consent* ataupun kebenaran daripada pelawat itu memang kita dapatkan terlebih dahululah.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau tidak ada apa-apa lagi.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: *Last*, satu soalan sahaja Tuan Pengerusi. Saya terkejut sebenarnya apabila dinyatakan tadi oleh tuan yang tiket penerbangan itu haruslah ditanggung secara percuma oleh syarikat penerbangan. Saya rasa itu mungkinlah akan berlaku jika sebab atau punca kenapa seseorang itu di-NTL-kan ditolak. Mungkin atas kesilapan oleh syarikat penerbangan sendiri seperti mana yang ada dalam ICAO, empat sebab tersebut. Cuma saya hendak pastikan di sini, jika seseorang itu ditolak, di-NTL oleh sebab-sebab lainlah yang banyak dekat sini, contohnya di nombor empat, kesalahan jenayah. Ini *beyond the knowledge of the airline* ini, siapakah yang sepatutnya membayar kos makan dan penginapan, tiket *and all that because airline* mungkin dia tak tahu sebab seorang itu ada macam-macam kesalahan ke.

Tuan Mohd Russaini bin Idrus: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dan Puan Nazira.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]
Saya bukan YB.

Tuan Mohd Russaini bin Idrus: Tak, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Puan Nazira, berkenaan dengan *annex* sembilan itu, Artikel 59 dan 59(1) *because* ada pemahaman yang berbeza sebenarnya. Di bawah 59 itu, *airline* kena menanggung semua kos untuk makan, minum dan pulang. Akan tetapi di bawah 59(1) itu, *contradict state* yang bertanggungjawab untuk menjaga kos-kos tersebut. Pemahaman kami, dia adalah berkenaan dengan semasa dokumentasi NTL itu dibuat. Itu di bawah tanggungan *government* untuk makan dan minum tetapi sekiranya selepas kita serahkan kepada pihak *airline*, di bawah tanggungjawab *airline*. Di situ *come up* nya 59 dan 59(1).

Puan Nazira binti Abdul Rahim: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]
Walaupun ...

Tuan Mohd Russaini bin Idrus: Walaupun tak ada— *because* di peringkat awal itu, *airline* tak tahu lagi. Dia bukan pihak yang *expert* untuk menilai dokumen-dokumen tadi tetapi setelah imigresen *identify* ada isu-isu dokumentasi, baru NTL itu dikeluarkan dan kita serah kepada *airline*. Di situ ada di mana *period* di antara pihak kerajaan dengan pihak *airline*.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Maknanya kalau apa pun punca yang di-NTL-kan, akhirnya *airline* akan tanggung?

Tuan Mohd Russaini bin Idrus: Betul.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Bukan *state* ya?

Tuan Mohd Russaini bin Idrus: Bukan.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Saya difahamkan tadi macam kalaulah punca itu bukan kerana kesilapan *airline*, *state* yang akan tanggung tetapi di sini saya faham dan jelas tak kiralah *so long* seorang itu NTL, *so airline* akan tanggung. Terima kasih tuan.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Puan, kita di peringkat kementerian, kita akan rujuk juga perkara ini sekali lagi dengan pihak *AG Chambers* lah, *AGC* *so* dapat pandangan secara *conclusive*-lah sebab sekarang ini kalau kita tengok, ada bertentanganlah. Interpretasi berbeza. Ada yang kata itu adalah *airline*, *state* itu juga boleh merujuk kepada *airline* dan macam-macam lagi. *So*, saya rasa mungkin pihak kita akan rujuk segeralah dengan pihak *AGC* untuk dapat pandangan. Mengenai 59(1) yang kelihatan ada bercanggah dengan bawah seksyen 24 itu. Kalau interpretasi yang samalah. *Unless* interpretasi yang berbeza, dia memberi maksud yang berbeza.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Kalau saya jadi *lawyer* untuk *airline*, saya akan lawan benda ini.

Dato' Ruslin bin Jusoh: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Lawan sebab benda itu macam *grey area*.

Puan Nazira binti Abdul Rahim: Yes, *grey area*. Bukan salah kita pun, kan? Bukan salah *airline*.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Ya.

Tuan Khoo Poay Tiong: Dato', *actually* mungkin pegawai perlu diberitahulah. Macam mereka yang dari negara China, sebelum mereka datang, mereka *apply* visa. Sebelum mereka *apply* visa, mereka perlu tunjuk *return flight actually. E-ticket* lah. Mereka perlu beli tiket *return flight* ini, *return ticket*. Jadi, *actually* pihak sini, dia mesti ada *return ticket*. Kalau tidak, dia tak boleh *apply* visa untuk datang Malaysia. *Actually*, pegawai tak perlu nak minta *to show the return ticket because* dia mesti ada *return ticket* baru dia boleh datang dan dapat visa untuk daMalaysiaMalaysia.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Ya, saya amat bersetuju Yang Berhormat sebab dia kata... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dato', macam mana pegawai you di China boleh luluskan visa dia kalau dia tak ada tiket balik? sebab salah satu *requirement* adalah tiket balik sebelum keluar visa. Itu *argument* diberi kepada saya dan itu juga antara faktor saya tengok ada *somewhere* tiket dia menyebabkan perkara ini diluluskan. Jadi, saya bersetuju pandangan Yang Berhormat supaya perkara ini kita kena buat satu ketetapan khusus. Maknanya *those* yang masuk dengan sudah berada di Malaysia, mungkin tiket pun dah tak perlu sebab mereka dah *submit* pada masa permohonan visa. Jadi, itu menjadi *secondary requirement instead of first requirement*. Itu kita akan teliti balik cadangan Yang Berhormat juga. Saya tengok itu satu perkara yang kita boleh buat.

Dato' Hj. Abdul Halim bin Hj. Abdul Rahman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada insiden juga, tiket *flight* ini dia *cancel* kan.

Dato' Ruslin bin Jusoh: Isu sekarang ini, kalau dia *cancel* tiket *flight*, dia tak sampai lah. *[Ketawa]* Ada kes, dia *cancel last minute* tiket itu untuk *return ticket*. Itu ada kes juga berlaku. Antara kes lagi, dia buat dan pakai tiket palsu. Ada juga kes berlaku. Sebab itu kita buat itu sebagai salah satu daripada *requirement* di kaunter untuk *check*. Akan tetapi, mungkin kita boleh buat *double checking* bagi kes-kes tertentu sahajalah. So itu, kita akan tambah baik dalam SOP kita, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. So, kita tamatkan pada petang ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Hj. Abdul Halim dan juga Dato' Ruslin dan pasukan dan kepada semua *ex-officio* dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan penerangan yang telah diberikan, kita mengadakan satu gambaran yang lebih jelas seperti yang dikata oleh Yang Berhormat Jeli, dengan insiden ini kita mengambil peluang dan kesempatan untuk penambahbaikan. Nampaknya ada beberapa perkara yang kita boleh buat dan sedang dilakukan. So, saya juga harap SOP yang baru dipanjangkan kepada kita dan kita akan memberikan satu laporan dan laporan ini akan dibentangkan di dalam Dewan dengan syor kita tentang perkara ini.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka, dalam fikiran orang awam, imigresen itu adalah bermasalah tetapi dengan ini, kita harap gambaran yang betul dapat diberikan dengan juga penambahbaikan. So, terima kasih kepada semua.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sikit. Jadi saya pun bagi pihak KDN dan Jabatan Imigresen mengucapkan terima kasih banyaklah kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah saya rasa banyak memberi pandangan, idea kepada kita untuk kita tambah baik daripada segi isu NTL ini supaya yang pentingnya kita nak jaga keselamatan negara dan juga kita nak menjaga imej negara dan khususnya Jabatan Imigresen Malaysia itu sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, saya jemput semua. Kita ada satu sesi bergambar di luar dan saya minta ahli selepas itu, kita *housekeeping* sikit perkara di sini.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.10 petang]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA
DAN REFORMASI INSTITUSI

TAKLIMAT OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA TENTANG ISU *NOT-TO-LAND*
(NTL), PINDAAN AKTA 155, *LANGUAGE BARRIER*,
PENGUNAAN *ARTIFIIAL INTELLIGENCE* (AI),
CROSS-MINISTRY DAN KEJADIAN DI KLIA PADA 29
JUN 2023

BIL. 6
SELASA, 19 SEPTEMBER 2023
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI
BIL. 6 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 3
ARAS 2, BANGUNAN BLOK SEMENTARA
PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 19 SEPTEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] - *Pengerusi*
YB. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]
YB. Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian]
YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]
YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]
YB. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]
YB. Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]
YB. Tuan Zahari bin Kechik [Jeli]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II]
Encik Augustine Leonard Anak Jen [Pegawai Penyelidik, Seksyen Parlimen, Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Wan Noorzaleha binti Wan Hasan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Parlimen, Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Cik Noraini binti Othman [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
YBrs. Dr. Dina Miza binti Suhaimi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nur Farah binti Dzulkiffli [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

YB. Dato' Sri Tiong King Sing [Menteri]

Puan Sia Wan Teng [Setiausaha Akhbar]

Encik Chua Yong Wei [Setiausaha Sulit Kanan]

EX-OFFICIO

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)

Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin [Pengarah (Dasar dan Penyelidikan)]

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)

Puan Nazira binti Abdul Rahim [Pesuruhjaya]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI BIL. 6 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 3 ARAS 2, BANGUNAN BLOK SEMENTARA PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 19 SEPTEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 1.07 tengah hari

*[Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, kita mula ya. Selamat petang dan selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil ex-officio yang hadir ke mesyuarat pada hari ini. Mesyuarat juga mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ke mesyuarat pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada 24 Julai 2023 yang lalu jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat pertama berhubung insiden KLIA yang dihadiri oleh *Malaysian Association of Tours and Travel Agents* (MATTA). Manakala pada 26 Julai 2023 mesyuarat ini juga telah menjemput Kementerian Pengangkutan, Malaysia Airports Holdings Berhad, Kementerian Dalam Negeri, dan Jabatan Imigresen bagi menyampaikan taklimat berkenaan perkara tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agenda pada hari ini ialah taklimat daripada Yang Berhormat Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan hal-hal lain. Perincian taklimat oleh Yang Berhormat Menteri adalah berkenaan perkara berikut;

- (i) kekangan berkaitan mengendali proses *Not-To-Land* (NTL);
- (ii) aduan-aduan daripada orang awam dan organisasi berkaitan seksyen 8, Akta 155 dan proses *Not-To-Land* (NTL) yang telah diterima oleh MOTAC;
- (iii) usaha-usaha atau langkah-langkah yang diambil oleh MOTAC dalam menangani aduan oleh pelancong yang dikenakan notis *Not-To-Land*; dan
- (iv) ada beberapa perkara yang Yang Berhormat Menteri boleh memberikan taklimat kepada kita.

Saya tidak mahu mengambil masa yang panjang, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk bersama dengan kita. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

■1310

Menteri Pelancongan [Dato' Seri Tiong King Sing]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen, Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi dan rakan-rakan jawatankuasa pilihan khas memberi peluang kepada saya dan menjemput saya untuk datang di Bilik Jawatankuasa 3, Bangunan Blok Sementara Parlimen Malaysia, menceritakan insiden yang berlaku pada 26 Julai di KLIA1.

Sebenarnya cerita ini, *Not-To-Land*— isu ini, masalah bukan 26 Julai. Sebelum ini saya pun sudah pergi tiga kali. Dua kali di KLIA2 dan dua kali di KLIA1, KLIA2 termasuk 26 Julai. *Sorry*, 26 Julai itu kali ketiga. Dua kali saya sudah pergi. Saya memang beritahu dua-dua KLIA punya imigresen, pegawai semua. Saya kata, "*kita mesti mahu ingat kita Not-To-Land must have very clear ground on not to land.*" Fasal dia orang datang sini sebagai pelancong, dia orang hendak *spend money*. Dia *giving us the opportunity to help us to make our economy grow*.

So, dia punya alasan berkali-kali NTL, tak ada tiket, tak ada hotel. Itu sahaja. Saya kata kalau tak ada tiket, kita boleh *on the spot* suruh dia beli. Kalau tak ada hotel, boleh *on the spot* suruh dia *booking*. So, tak ada masalah. Oh, dia kata "*komunikasi— kita cakap dia tidak pandai jawab.*" Saya kata, "*MAHB ada beberapa orang pegawai di sana boleh bercakap Mandarin. Kenapa kamu tidak guna?*" Mereka kata, mereka tidak nampak. Bila saya tanya MAHB, MAHB pun beritahu bila-bila *you* ada masalah, boleh berhubung kepada MAHB punya pejabat minta dia hantar pegawai.

So, mana komunikasi *breakdown* saya tak tahu. Walau bagaimanapun, akhir sekali saya beritahu kali ketiga kalau saya datang lagi saya memang panggil SPRM datang sekali. So, inilah insiden yang berlaku pada 26 Julai bila saya terima meminta bantuan daripada *Consulate Office Guangzhou*. Itu masa, *I think* hari raya— itu hari, hari raya. So, mereka tidak bekerja, dia berhubung sama saya minta tolong fasal dia orang ada dapat aduan daripada Shenzhen. Shenzhen beritahu dia orang ada permintaan, *calling* daripada KL. Meminta pertolongan. Fasal kejadian ini atas dia punya pembantu, dia ditahan di imigresen.

Bila *complainer*-nya daripada negara China, *I think* dia datang untuk mengambil course PhD di UiTM atau di mana, *something like that*— di universiti. Dia beritahu memang dia ada tunjuk kepada saya *offer*-nya on the *mass comm* punya course. So, hari itu dia bawa pembantu fasal tangannya satu *fracture* atau apa, saya ada pergi tengok dia. Dia beritahu, "*wanita tak boleh pakai pakaian itu semua.*" Dia datang cuma dua minggu sahaja. Selepas itu dia akan hantar dia balik. *Complainer* dia akan *study here for two years for PhD, something like that*.

So, bila saya sampai sana memang saya sebelum itu saya akan ada beritahu KP Imigresen, beritahu masalah ini semua. Bila dia hubungi saya balik, dia ada cerita kata fasal tiada tiket. NTL fasal tiada tiket, tiada tempat tinggal. So, pada peringatan saya sendiri memang ini cerita sama. *That is why* saya minta kementerian saya ada dua SPRM punya pegawai *call* dia, minta dia datang sekali. *Then*, itu masa memang cuti lah— saya tak boleh *complaint* itu SPRM punya pegawai lambat. So, dia kata “*YBM, mesti beri saya peluang sedikit saya mahu hantar bini balik baru boleh pergi.*” So, kita tunggu *airport* memang lama. Dia hantar bini balik mungkin lambat, *traffic jam* atau apa— dia lambat. Apabila dia datang, dia baca prosedur dan isi itu semua *and then* pegawai itu memang sudah terlibat punya, sudah tiada. Dia sudah— tak tahulah mana pergi.

Akan tetapi, bila saya datang, saya tanya sama dia orang apa masalahnya. Alasannya sama. Tiada tiket, tiada tempat tinggal, itu semua. Saya kata saya difahamkan daripada bos dia kata tiket dan tempat tinggal di mana semua ada dalam *handphone*-nya. Akan tetapi, *handphone*-nya dirampas, simpan di pejabat. Saya beritahu pegawai macam mana dia orang mahu tengok, mahu beritahu? Oh, dia cakap “*communication tidak boleh jalan.*” Saya cakap kenapa tidak minta MAHB membantu. So, dia orang semua tak jawab. Saya kata, itulah macam-macam alasan keluar. Saya kata *you* tidak payah cerita sama saya.

Hari ketiga saya sudah sampai sini, kalau sebegini senang. Nanti *you* jawab sama SPRM. Saya sudah beritahu kali ketiga saya pergi bawa SPRM. Semua orang muka pucat di dalam pejabat sana. So, sebegini saya sedang tolong. Memang saya ada besarkan suara, tinggi sedikit, saya marah. Saya kata, “*Saya kerja setengah mati hendak tarik pelancong masuk. Kemudian pekerja port kasi halau semua orang keluar. Macam mana negara boleh berkembang?*” Saya kata “*Negara punya ekonomi tidak berkembang, esok kamu orang punya OT pun tidak dapat bayar kalau macam itu.*”

So, macam mana cerita? So, *that is the* insiden berlaku. Saya cerita kembali, ini semua cerita kita boleh ulang balik— tengok saya cerita bersama dalam surat khabar. Jadi, walau bagaimanapun saya mahu minta ampun kepada jawatankuasa ini. Saya tidak boleh bercerita panjang fasal saya difahamkan kes ini masih siasatan berjalan. Sekarang dia orang masih berjalan lagi siasatan mengenai— walaupun kita ada *mention section* berapa, berapa itu semua, saya tidak mahu bercerita lebih dalam. *I leave it to the investigation team.* Kalau saya cerita panjang lebar, nanti saya bercanggah dengan perjalanan tugas siasatan mereka. So, *I leave it to* siasatan *team. This is so you know what is happening.*

That is why hari ini— macam mana dia datang tanya kepada Parlimen, saya pun tidak jawab panjang lebar. Saya tidak mahu sentuh juga. Fasal saya kena nasihat dikatakan ini hal jangan *prolong, leave it to* SPRM. Sekarang masih lagi dalam siasatan, *I think the police also carry out*, daripada *Special Branch* dia orang *also carry out* siasatan. Okey.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang kalau perkara yang sedang disiasat oleh SPRM, kita memberikan peluang kepada SPRM untuk menyiasat. So, saya buka kepada ahli-ahli ada apa-apa soalan lain, meminta daripada Yang Berhormat Menteri yang telah sudi datang untuk membantu kita dalam isu ini.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, apabila insiden ini berlaku selepas itu kita dapat laporan dan juga kenyataan yang dikeluarkan yang menyatakan dan juga melalui dua mesyuarat yang sebelum itu berkait dengan isu yang sama yang dipanggil oleh jawatankuasa pilihan khas ini, di mana mereka mengatakan bahawa ada sebuah syarikat swasta yang dilantik untuk mengendalikan semua *Not-To-Land* ini.

Dikatakan sekarang mereka juga akan siasat syarikat tersebut. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri selepas insiden tersebut sehingga hari ini adakah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya masih lagi menerima aduan sedemikian daripada pelancong asing?

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Selepas insiden ini, memang sampai hari ini— saya ucap terima kasih, *so far there is no more complaint. No more* aduan daripada pelancong— daripada negara China terutama sekali. Tak ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Cuma saya hendak tanya adakah masalah ini berlaku kerana pegawai-pegawai yang ditugaskan di tempat tersebut tidak boleh berkomunikasi. Maksudnya bahasa perantaraan komunikasi antara pelancong dan pegawai itu menjadi satu masalah.

■1320

Bagaimanakah kita boleh menangani masalah ini? Adakah Yang Berhormat Menteri menyarankan bahawa sekurang-kurangnya ada satu atau dua orang yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin terutamanya apabila kita ingin menggalakkan pelancong dari luar negara untuk datang ke Malaysia?

Dato Sri Tiong King Sing: Memang di MAHB, saya difahamkan ia ada bersedia dua terminal, ada 30 lebih orang untuk membantu bahasa Mandarin. Kita dapat *incident* berlaku, kita pun MOTAC melalui Tourism Malaysia menubuhkan *helpdesk* di KLIA1 dan KLIA2.

So far, kita belum lagi menerima apa-apa aduan dan saya juga terima laporan daripada saya punya *helpdesk*, memang kita bantu banyaklah. Ada orang datang, dia punya *booking* hotel, tiket semua dalam *handphone*. Semua pergi kita punya kaunter. Kita tolong dia *print, kasi* keluar pergi ke imigresen. *So far, so good.*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam memberitahu kepada saya. Apabila dia pergi *monitor*, *so far* dia kata banyak lancar, *quite smooth going on. Hopefully everything will go fine.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Bintulu. Pertama sekali, saya rasa...

Dato Sri Tiong King Sing: Yang Berhormat Arau pun mahu tanya juga? *Hah*, apakah dia?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mahu puji. Saya— Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Bintulu tidak boleh dipanggil hari ini sebab kes dia kes siasatan. Kita hendak ambil penjelasan untuk apa lagi? Apabila sesuatu kes itu disiasat, kita tidak boleh panggil mereka ini untuk kita menyiasat. Kita menyiasat untuk apa ini? Kita hendak minta penerangan apa? Dia penerangan, dia berhak bagi di mana-mana. Akan tetapi, dia juga tidak boleh bagi penerangan yang berlebihan sebab kes dia disiasat.

Jadi, pada pandangan saya, kita tidak wajar memanggil Yang Berhormat Bintulu. Cuma kalau kes Yang Berhormat Bintulu ini, kalau betul Perdana Menteri kata bagus, saya ingat Yang Berhormat Bintulu kena dilantik jadi Menteri Dalam Negeri. Ini disebabkan Menteri Dalam Negeri tidak berani *pi* tegur imigresen. Ini disebabkan sekarang dia ada *cross boundry*. Dia ada masuk kementerian lain.

Akan tetapi, oleh sebab Perdana Menteri kata dia bagus, saya ingat dia patut jadi Menteri Dalam Negeri. *We want this quality to be* Menteri Dalam Negeri. Bukan Menteri Dalam Negeri pergi bercakap, bersyarah sana sini tetapi tidak ada kesan. Sekarang ini kes imigresen yang cukup serius yang— dan Perdana Menteri kata bagus. Bagus, kita cadangkan dia jadi Menteri Dalam Negeri. Suruh Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail jadi Menteri Pelancongan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya mengambil perhatian tentang komen. Ada sesiapa lagi?

Dato Sri Tiong King Sing: *Just give me one minute*. Saya jawab sama dia. Dia kena *cross* beberapa buah kementerian begitu. Saya mahu terangkan di sini. Kenapakah kita boleh terima? Ini disebabkan pelancong datang, dia bagi aduan. Itulah kementerian terlibat sama. *That's why* selain daripada itu, *I leave it to the* siasatanlah. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Cuma saya hendak pastikan pada masa tersebut berlaku, sama ada dia digolongkan— dia kena pendapat Ketua Pengarah. Ketua Pengarah Imigresen berpendapat bahawa ini adalah golongan yang dipanggil imigran larangan. Ada tidak dia beritahu pada masa— Ini disebabkan daripada segi dokumen, patut ada dokumen tetapi tidak ada dokumen. Maknanya, ada tidak— keputusan mesti daripada Ketua Pengarah. Kalau Ketua Pengarah tidak bagi keputusan, maknanya dia masih dikira sebagai pelancong yang bukan golongan yang dilarang untuk masuklah.

Dato Sri Tiong King Sing: Ya, ia bukan— itulah tadi. Terima kasih Yang Berhormat Besut. Itulah yang beritahu tadi. Ini alasan sama juga. Tiada tiket, tiada hotel tinggal. Itu sahaja. *That's why* itu Ketua Pengarah apabila dia dengar macam itu, saya beritahu Ketua Pengarah, itu semua dalam dia punya *handphone*. Belakang betul-betul dia *forward* sama dia. Semua *booking* bukan hari itu. Sebelum dia datang sudah ada. *That's why* Ketua Pengarah arah *kasi* bebas dia, *kasi release* dia. Itu sahaja.

Kalau bolehlah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bagi sedikit pandangan dan cadangan daripada diri sendiri. Kalau boleh minta kita JKPK Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi ini, kalau boleh saya minta imigresen di *airport*, jangan terlampau lama pegawai. Bertahun-tahun ada sana. Termasuklah ketua dia. Kita *kasi* pindah. Paling— *according to grassroot* ataupun Malaysia Airport pun beritahu, sekurang-kurangnya enam bulan sahaja cukup. *Because too many traffic flow*. Dia *can make the accident happens*. Itu saya punya pandangan dan cadangan.

Kalau boleh juga saya merasakan kalau bolehlah— saya ada tanya MAHB, kenapa tiap-tiap imigresen kaunter atas sana tidak boleh pasang CCTV? Dia kata, "*Bila-bila masa sahaja boleh*". Dahulu kita mahu pasang tetapi imigresen *airport*, ketua tidak bagi mereka pasang. Tidak boleh pasang.

Ini mungkin kelemahan boleh membantu kita menjayakan imej imigresen pada masa hadapan. *So, this is only my personel* cadangan untuk kita punya JKPK Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi. Minta jawatankuasa pertimbanglah. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Cadangan yang baik. Ada Ahli-ahli lain yang ada....

Tuan Khoo Poay Tiong: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu. Kota Melaka. Mungkin Yang Berhormat Menteri lebih arif dalam hal ini. Saya hendak tanya, apabila pelancong daripada China sebagai contoh, apabila mereka *apply* visa untuk datang ke Malaysia. Apabila mereka *apply* di China sana, mereka perlu tunjuk yang mereka ada beli *return flight* dan juga perlu tunjukkan bukti bahawa mereka ada *booking* hotel di Malaysia, baru di pihak pejabat China sana akan luluskan visa. Adakah begitu?

Dato Sri Tiong King Sing: Sekarang saya punya masa saya tidak tahu. Daripada dahulu, pada *border* buka punya masa, *you* ingin memohon visa pergi China mesti mahu ada *return ticket*. Itu sahaja. Hotel saya tidak pasti. *Return ticket* mesti ada. *So*, saya tidak tahulah *if any policy* mereka tukar ke tidak. Itu saya tidak tahu.

Tuan Khoo Poay Tiong: *That means* memang ada *return ticket*-lah? Kalau dia hendak datang Malaysia, dia mesti tunjuk kepada pihak berkuasa di negara China bahawa dia sudah beli tiket untuk balik ke China, kan?

Dato Sri Tiong King Sing: Ya.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan Pengerusi, *that means to show air ticket actually* tidak perlulah sebab apabila mereka *apply* visa di China, mereka perlu tunjukkan yang dia ada

return ticket, baru dia boleh dapat visa. Jadi, kenapa imigresen di Malaysia ini *insist*? Mesti tunjuk *return ticket*? Kalau dia tidak ada *return ticket*, dia tidak boleh datang sini. Dia tidak boleh ada visa.

Tuan Pengerusi: Ya, memang kerana sekarang sudah internet pun ada, dalam telefon pun ada. Bukan semestinya mesti ada tiket secara *hardcopy*. Ini adalah perkara di mana komunikasi dan *infrastructure* sudah berlainan daripada dahulu.

Tuan Khoo Poay Tiong: *From now* Tuan Pengerusi, kalau boleh saya tambah sedikit. Kalau boleh, saya merasakan kalau kita bagi cadangan kepada Kementerian Pengangkutan minta Kementerian Pengangkutan keluar arahan bersama-sama Kementerian Dalam Negeri sebelum mereka *boarding*, *airlines* semua memastikan mereka ada tempat tinggal. *Return ticket* mesti ada. *So*, apabila mereka sudah sampai di sini, ini tiada, okey. *Airlines* mesti mahu tanggung terus naik *flight* hantar dia balik. Tidak payah kita simpan dia. Kita simpan dia, mahu bayar lagi. Hari-hari makan lagi. Tanggung dia punya kesihatan lagi semua, macam-macam.

Another area mungkin kita boleh cadangkan dalam jawatankuasa, kita pergi tengok NTL punya tempat. Macam mana situasi di sana. Ini bukan saya buat jahat. Cuma kita pergi lihat dan kita faham lebih. Ada punya orang saya difahamkan banyak lama sudah sana. *So*, *why we want to keep them?* Patut hantar dia balik terus. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh: Untuk cadanganlah. Kalau boleh jawatankuasa kita juga memanggil daripada imigresen. Tentukan siapa yang golongan yang dilarang masuk. Itu sahaja. Ini disebabkan bertepatan dengan akta seksyen 8 kalau tidak silap. Maknanya, kena tentukan siapa. Dia ada a, b, c, d, e, dan h semua yang tidak sempurna akal dan sebagainya dan melanggar akta-akta kita. Maknanya, kita kena panggil mereka. Pastikan itu dahulu sebelum kita sekat mereka masuk.

Tuan Pengerusi: Patutnya ini ialah sebelum mereka naik kapal terbang untuk datang ke sini. Tidak perlu naik di sini sampai di *airport*, kita hantar balik.

■1330

Dato' Sri Tiong King Sing: *Another area* Tuan Pengerusi *kamek* cadang kita mungkin berbincang bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, dia punya pegawai-pegawai sana, *I mean* dia punya *qualification* mesti mahu naik taraf sikit. Dia punya pegawai *we see* macam tiga paku baru Gred 18 atau Gred 19 banyak rendah tahu. *So*, *we should upgrade a bit*.

Orang nampak *you* tiga paku, orang fikir *you* pegawai tinggi. *But actually is a very low officer*. Kalau boleh dia mahu struktur balik semula *for immigration*, *then the people maybe more respect*. Okey.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan Pengerusi. Lagi satu mereka perlu tunjukkan mereka ada *booking* dekat hotel. Bagaimana kalau mereka tinggal di rumah saudara, adakah boleh diterima? Oleh sebab ada satu insiden Sabtu yang lepas pelancong daripada China dia

ditahan oleh imigresen sebab borang yang dia isi tempat penginapan di Malaysia ini ialah rumah kawan dia. *Immigration officer* tidak terima dan tahan dia untuk satu jam. Lepas itu dia berikan sesuatu kepada pegawai tersebut barulah dia dilepaskan.

Jadi, benda-benda macam ini saya rasa kita perlu ada satu SOP yang jelas seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Besut iaitu kalau alamat kediaman boleh diterima, maka tidak ada ruang untuk pegawai yang tidak bertanggungjawab itu sengaja hendak menahan dia untuk satu jam, lepas itu dapat sikit baru dilepaskan pelancong tersebut.

Dato' Sri Tiong King Sing: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Saya, saya..

Dato' Sri Tiong King Sing: Memang apa Yang Berhormat Kota Melaka lepas itu hari insiden berlaku dia kata saya terima banyak aduan mereka bagi bukti-bukti sama saya. Ada punya satu anak Tan Sri dia mahu kahwin, China. Dia punya *so-called daughter in law* dia datang, dia bagi surat lagi *she is coming here to marry to the son*. Akan tetapi, dia kena tahan dalam sana lapan jam— baru. Akhir sekali Tan Sri pergi cari siapa saya tidak tahulah baru dia *kasi* lepas.

So, this type of incident is very bad. What Yang Berhormat Kota Melaka cadang *maybe we can be* ini semua minta mereka diterangkan SOP. Selepas mereka sudah ada bukti, ada *evidence you* janganlah pergi tahan lagi. *Kasi* lepaskan. Terus lepas.

Tuan Pengerusi: Memang keadaan sudah bertukar daripada dahulu tidak semestinya semua yang datang di sini mesti duduk di dalam hotel. Ada beberapa buah tempat penginapan yang lain. *So*, adalah keperluan untuk meng-*update* apa syarat-syarat yang sedia ada. Ini kita boleh masukkan dalam laporan kita. Ada siapa lagi hendak komen?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji: Saya cuma hendak tanya kepada menteri. Daripada pengalaman saya untuk warganegara Malaysia bila kita datang, kita gunakan dua cara sama ada satu pasport secara manual ataupun kita mengimbas pasport itu menggunakan mesin pengimbas automatik. Adakah cara itu digunakan bagi pelancong-pelancong luar negara ataupun mereka wajib untuk melalui pemeriksaan secara manual dan tidak ada pemeriksaan secara automatik? Saya kurang pasti bagi warganegara asing.

Dato' Sri Tiong King Sing: Memang saya difahamkan dia NTL . Dia cuma bagi 10 negara untuk *auto gate*. Lain punya dia kata belum lagi habis kajian. Ini yang *the detail* kita kalau boleh minta sama KDN bagi penjelasan lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji: Saya percaya kalau kita menggunakan satu sistem iaitu sistem pengimbasan yang digunakan untuk warganegara Malaysia dan sistem itu juga diamalkan, diaplikasi bagi warganegara asing, maka kita akan mengurangkan kejadian perkara ini berlaku. Ini kerana pertamanya kalau kesemua kelulusan telah pun ditapis umpamanya ada tempahan dibuat oleh pelancong itu di sini, di hotel, visa, tiket penerbangan kembali semua ada dan kelulusan diberikan oleh pihak imigresen dan pelancong itu datang

bukan sahaja daripada China tetapi dari luar negara termasuk India juga, kalau mereka menggunakan sistem pengimbasan dan ia boleh diluluskan, saya percaya kejadian-kejadian seperti ini mungkin salah laku sebegini boleh dikurangkan.

Maksudnya Yang Berhormat Menteri buat masa sekarang pengimbasan itu hanya untuk warganegara Malaysia sahaja, betul?

Dato' Sri Tiong King Sing: Sistem itu pun ada penglibatan 10 negara asing. So, lain-lain *detail* macam tadi saya kata kalau boleh kita minta penjelasan ataupun panggil imigresen ataupun KDN menjelaskan isu ini, lagi baik.

Kalau kata apa Yang Berhormat Jelutong cadang punya memang baik. Kalau kita semua gunakan *auto gate*, kita kira *auto gate*. Kalau *auto gate* itu boleh dilakukan untuk semua negara asing memang akan lancar dan baik. So, saya difahamkan sekarang dia cuma bagi 10 negara sahaja oleh sebab mereka *rated China is a high risk*.

Dalam Kabinet memang saya sudah cakap *high risk* macam mana, *high risk*. Mesti kita mahu cadang. *Singapore* boleh bagi. Sekarang Thailand pula mahu bagi. Indonesia pun mula bagi dia punya sistem. Cuma Malaysia selalu kita dikebelakangkan. Kenapa kita *rated China is high risk*? Kita mesti mahu meneliti *what is the actual problem*.

Tuan Pengerusi: Tiada lagi? Kalau tidak saya akan tamatkan sesi ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tiong King Sing selaku Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya atas kehadiran dan kerjasama untuk memberikan maklumat kepada kita dan juga idea bagaimana kita boleh menaikkan dan menarik lebih pelancongan kepada negara kita serta untuk membaiki sistem yang sedia ada *Not-To-Land*. Kita akan mengambil kira semua cadangan yang telah diberikan kepada kita. Saya bagi pihak jawatankuasa ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Tiong King Sing: Okey, Tuan Pengerusi terima kasih dan semua Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi peluang saya sampai sedikit saya punya cerita *or* insiden berlaku. Sekian, terima kasih. Yang Berhormat Arau terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.37 tengah hari]